



MS  
18 & 28

APRIL 16-30, 2019



PERCUMA

# BULETIN MUTIARA



[www.buletinmutiara.com](http://www.buletinmutiara.com)



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

## Usaha memartabatkan wanita dipuji

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB  
Gambar : K. THAARSHENII

**MUHD. ABRAR SADIQ**, 21, seorang pelajar Pulau Pinang yang kini menuntut di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Shah Alam secara bangga mengaku Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 memang dilihat gigih memartabatkan gender wanita.

Katanya, bermula dengan pelantikan dua wanita mengetuai kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sehingga penubuhan agensi khusus iaitu Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), usaha memartabatkan gender wanita terus diperkuuh.

Justeru, tambah Muhd. Abrar, usaha pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pasca pilihan raya umum lalu dengan mewujudkan portfolio baru iaitu Keterangkuman Gender dan terbaru Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK), wajar dipuji.

"Penubuhan jawatankuasa ini amat bertepatan dengan semangat PH (Pakatan Harapan) yang sangat membela hak golongan wanita."

"Jawatankuasa ini juga dilihat dapat melatih wanita tempatan untuk menjadi pemimpin masyarakat yang tersusun."

"Sudah pasti ada kursus dan sebagainya sekaligus mampu membina golongan wanita yang serba boleh," ujarnya dalam sesi tinjauan khas baru-baru ini di Parlimen Kepala Batas.

Bagi Muhd. Abrar, tidak berbangkit isu seperti akan wujud pertindihan tugas memandangkan JPWK



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan jemputan khas bergambar kenangan sejurus selesai Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli Jawatankuasa JPWK di sini 16 Februari lalu.

fungsinya hampir sama dengan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang juga diganggotai hatta diketuai oleh wanita.

"Jawatankuasa (JPWK) ini ditubuhkan bukan sekadar hanya untuk memberi jawatan sahaja, malah sudah pasti digalas dengan tanggungjawab yang besar."

"Oleh itu, diharapkan semua barisan Exco Negeri serta agensi kerajaan yang ada dapat membantu jawatankuasa ini dalam pelbagai segi bagi

melengkapkan mereka dengan ilmu untuk menganjurkan pelbagai aktiviti, bukan sekadar makan eluan secara 'buta' saja," jelasnya.

Muhd. Abrar dalam pada itu turut mencadangkan kepimpinan Pakatan Harapan (PH) di peringkat akar umbi sendiri mengambil bahagian dalam JPWK, demi menerangkan dasar-dasar Kerajaan Negeri kepada rakyat.

"Cadangan saya bagi jawatankuasa (JPWK) ini, dari segi politik, dilihat cukup baik

apabila semua wakil daripada PH itu sendiri berada dalam jawatankuasa ini, sekaligus memupuk kerjasama yang baik."

"Namun, dari segi akar umbinya, jawatankuasa ini masih belum nampak keberhasilannya, mungkin kerana masih baharu."

"Saya merasakan jawatankuasa ini perlu turun ke setiap MPKK yang ada sekarang, memperkenalkan apa itu JPWK kepada seluruh masyarakat di bawah agar orang awam lebih tahu apa inisiatif

pro rakyat yang dikemukakan oleh kerajaan PH," katanya.

Pada 18 Januari 2019 lalu, Kon Yeow sendiri dalam sidang media bersama-sama Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng mengumumkan penubuhan JPWK di semua 40 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN).

(Sambungan di muka 27).

# Jimat air sebagai amalan, bukan hanya pada musim cuaca panas

**CUACA** panas dan kering yang melanda negara kini turut dirasai oleh rakyat Pulau Pinang.

Malah, situasi tersebut turut menjelaskan kapasiti efektif di kebanyakan empangan di negeri ini termasuk Empangan Air Itam yang dikatakan hanya mampu bertahan dalam

tempoh 48 hari (merujuk kepada pengumuman pada 26 Mac 2019) sekiranya cuaca panas dan kering berterusan tanpa hujan.

Rentetan itu, Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini menyarankan agar rakyat

negeri ini berjimat-cermat dalam penggunaan air harian. Wartawan Buletin Mutiara, **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN** sempat mengadakan tinjauan umum berhubung saranan Ketua Menteri itu dan mampukah rakyat Pulau Pinang menjadikan ia amalan seharian.

## APA KATA MEREKA?

**FATIN AYUNI,** 31, Polis Bantuan Rapid Penang mengesyorkan supaya rakyat Pulau Pinang menyediakan tong simpanan air dan gunakan air pada waktu penting sahaja.

"Pihak kerajaan boleh menyediakan tong khas kepada setiap rumah, dan jika terdapat gangguan bekalan air, warga negeri tidak perlu risau kerana tong air khas tersebut dapat



FATIN Ayuni.

menampung keperluan harian mereka," katanya.

**HANIZA ADZMI,** 37, kontraktor, menyatakan bahawa air merupakan salah satu keperluan penting bagi manusia.

"Pada musim panas ini, saya akan lebih minum air untuk mengelakkan strok haba. Malah, pada masa sama, saya juga akan lebih peka terhadap penggunaan air dengan lebih berhemah," ujarnya.



HANIZA Adzmi.

**T. NAVAINTHRAN,** 52, pemandu teksi, menyeru orang ramai supaya jangan menyiram pokok bunga dengan air sedia ada, sebaliknya menakung air hujan dan menggunakan ia untuk tujuan berkaitan.

"Selalunya apa yang saya lihat di kawasan jiran tetangga, ada jiran yang membazir air

**SIM ZHI QI,** 21, pelajar Universiti Terbuka Wawasan, menyatakan bahawa beliau cuba mengelak daripada mandi terlalu lama dan tutup pili paip ketika menggosok gigi supaya air tidak terus mengalir.

"Bagi saya, kerajaan boleh mengenakan caj tambahan dan memberi notis amaran kepada warga negeri yang menggunakan air secara berlebihan.

"Apabila kerajaan berbuat demikian,



SIM Zhi Qi.

rakyat akan lebih peka dan mengamalkan penjimatkan air untuk mengelakkan caj tambahan tersebut," responsnya.

**NUR IZYAN ZULKIFLI,** 23, pelajar praktikal, berpendapat bahawa umum wajar menggunakan air mengikut keperluan.

"Tutup pili paip dengan ketat bagi elakkan air menitis dan melimpah keluar daripada tangki atau kolah di rumah," serunya.



NUR Izyan Zulkifli.

**GURMANDEV SINGH,** 27, penjawat awam, menyatakan bahawa amalan menggunakan air dengan berhemah bukan hanya perlu diperlakukan ketika musim cuaca panas dan kemarau sahaja, sebaliknya ia adalah harus berlanjutan iaitu pada setiap masa.

"Air merupakan nadi kehidupan, manusia memerlukan air untuk meneruskan kehidupan. Begitu juga semua kehidupan di dunia ini.



GURMANDEV Singh.

inisiatif berterusan, kerajaan boleh mengadakan program tentang penjimatkan air untuk mendidik serta memupuk kesedaran dalam kalangan warga negeri," katanya.

**MAZURAH PAWANCHI,** 51, peniaga menyatakan bahawa menyahut seruan berkaitan, pihaknya mengambil inisiatif menggunakan cawan kertas.

"Saya cuba menggunakan cawan kertas terhadap pelanggan, namun mereka tidak menyukainya.

"Sebenarnya,



MAZURAH Pawanchi.

baik ataupun tidak, namun saya akan ikut majoriti," jelasnya.

selama dua jam hanya untuk siram pokok bunga.



T. Navainthran.

memberitahu bahawa penjimatkan penggunaan air dapat dicapai sekiranya seseorang mengamalkan sikap berhemah.

"Adalah amat sukar untuk mengubah sikap manusia. Sekiranya seseorang mengamalkan sikap membazir, maka dia akan terus bersikap sedemikian sehingga timbulnya kesedaran.

"Keluarga saya akan

kitar semula air yang digunakan dalam bilik air untuk dipam dalam tandas.

"Bil air apartment saya adalah dalam lingkungan RM11 untuk dua bulan. Kami cuma bertiga sahaja, dan sekiranya tarif air dinaikkan sedikit, saya rasa tiada masalah. Tetapi janganlah terlalu tinggi, nanti timbul rungutan pula," ujarnya.



Oleh: ME



# Jaringan internet sebagai syarat sijil layak menduduki projek perumahan, cadang Exco

Oleh : WATAWA NATAF  
ZULKIFLI  
Gambar : DARWINA MOHD.  
DAUD

**BATU MAUNG** – Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo mencadangkan supaya penyediaan sambungan internet diwajibkan bagi semua projek perumahan yang bakal dibina di negeri ini.

Katanya, cadangan itu telah dibangkitkan kepada Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo serta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin di Kuala Lumpur pada 25 Mac lalu.

Justeru, Jagdeep memberitahu bahawa pihaknya berhasrat untuk

berbincang lanjut mengenai cadangan itu dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

“Jadi, saya berbincang dengan Menteri (Zuraida) sama ada bolehkah kita wajibkan kepada semua projek perumahan baharu mempunyai jaringan fiber optik, buat masa ini, ia bukan perkara wajib untuk memenuhi syarat pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Tetapi, saya difahamkan sesetengah projek perumahan termasuk *One Foresta* sudah mempunyai jaringan jalur lebar tersedia, cuma hanya perlu dihubungkan dengan talian utama sahaja.

“Menteri Komunikasi dan Multimedia (Gobind) juga dilihat menyokong idea berkenaan dalam menjadikan bandar-bandar di

JAGDEEP Singh Deo (bertali leher), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil pemaju mengadakan lawatan ke kawasan sekitar sejurus Majlis Penyerahan Kunci Kepada Pembeli Projek *One Foresta* di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN pembeli terlibat.

Malaysia terutamanya Pulau Pinang lebih mesra internet,” ujarnya pada satu sidang media pada Majlis Penyerahan Kunci Kepada Pembeli Projek *One Foresta* di sini 26 Mac lalu.

Turut hadir, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato’ Abdul Halim Hussain merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu

Maung; Datuk Bandar bagi MBPP, Dato’ Ar. Yew Tung Seang dan Ketua Pegawai Operasi Ideal Property Group, Datuk Ng Tyan Ping.

Tambah Jagdeep, internet kini bukan lagi kemewahan atau kehendak, tetapi ia telah menjadi satu keperluan asas utama.

“Sekarang apabila memohon Sijil Layak Menduduki (CCC), pemaju tidak perlu menunjukkan

sambungan internet, namun saya cadangkan selepas ini ia adalah syarat wajib,” jelasnya yang juga ADUN bagi Datuk Keramat.

Mengulas lanjut tentang perkara itu, Jagdeep menyatakan bahawa Pulau Pinang boleh menjadi perintis kepada syarat terbabit.

Pada majlis tersebut, sebahagian daripada 1,343 pembeli projek *One Foresta* hadir bagi menerima kunci rumah masing-masing daripada pemaju.

(Rujuk juga muka 23).

## Sungai Perak, penyelesaian sumber air mentah terbaik untuk 30 tahun akan datang

**GEORGE TOWN** – Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) merupakan pilihan paling rasional, logik dan ekonomi dalam mencapai jaminan bekalan air mentah alternatif bagi Pulau Pinang dan Perak Utara sehingga tahun 2050.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa menyatakan bahawa pada tahun 2009, pihak berkuasa air itu telah mentauliahkan Kajian Pelan Induk Bekalan Air Minum di Pulau Pinang sehingga Tahun 2050 yang mengunjurkan permintaan air terawat di negeri ini meningkat iaitu daripada 1,483 juta liter sehari (MLD) menjelang 2030 kepada 1,884 MLD menjelang 2050.

Menurut beliau, kajian itu juga mencadangkan SPRWTS sebagai penyelesaian yang boleh menyalurkan 1,000 MLD air mentah ke Pulau Pinang dalam empat fasa sehingga tahun 2050.

“Oleh kerana, potensi jumlah hasil, SPRWTS dengan sendirinya boleh memastikan jaminan bekalan air untuk Pulau Pinang dan Perak Utara sehingga tahun 2050.

“Justeru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP telah berusaha untuk memanfaatkan Sungai Perak sebagai sumber air mentah

kedua atau alternatif bagi Pulau Pinang sejak 2011 lagi,” katanya melalui kenyataan media di sini bertarikh 3 April 2019.

Tambah Jaseni, selain memenuhi jangkaan permintaan air, SPRWTS juga akan mengurangkan risiko kebergantungan terhadap Sungai Muda, terutamanya ketika musim kemarau.

“Sumber air mentah dari Sungai Perak tidak digunakan sepenuhnya walhal ia boleh dimanfaatkan oleh Pulau Pinang dan Perak kerana SPRWTS adalah projek penyaluran air mentah antara negeri. Namun, gagal dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan sebelum ini.

“Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri Pulau Pinang ‘berhijrah’ ke Inisiatif Penstrukturkan Semula Perkhidmatan Air Negara (NWSRI) yang mana Kerajaan Persekutuan ketika itu bersetuju membayai dan melaksanakan projek sumber air mentah untuk Pulau Pinang.

“Rentetan itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP mengadakan pertemuan dengan Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli (KATS) pada 1 Mac 2019 lalu dan mengharapkan penyelesaian bagi melaksanakan penyaluran air mentah Sungai Perak antara negeri tidak lama lagi,” ujarnya.



IR. Jaseni Maidinsa.

Dalam kenyataan media tersebut juga, Jaseni menyenaraikan beberapa faktor yang menunjukkan bahawa Sungai Perak adalah pilihan terbaik untuk Pulau Pinang.

Antaranya, Sungai Perak adalah sumber air mentah yang boleh dimanfaatkan oleh dua negeri namun kurang digunakan sebagai sumber air mentah; kos membina loji

rawatan air konvensional di Pulau Pinang untuk merawat air mentah yang disalurkan dari Sungai Perak jauh lebih rendah berbanding membina loji penyahgaraman dan mengendalikan sistem rawatan air sungai konvensional adalah lebih cekap kos daripada kitar semula atau penyahgaraman yang lebih berintensif tenaga dan kos.

“Di Singapura, teknologi penyahgaraman dan kitar semula air dilaksanakan seiring dengan operasi rawatan air konvensional dengan harga air bagi penggunaan domestik mencecah RM7.44 (SGD2.47) bagi setiap 1,000 liter bagi 35,000 liter pertama dengan cukai pemuliharaan air dan caj air terpakai.

“Berbanding di Pulau Pinang kini, purata tarif semasa bagi penggunaan domestik 35,000 liter pertama sebulan adalah RM0.32 setiap 1,000 liter.

“Tambahan pula, kitar semula dan penuian air hujan memerlukan infrastruktur tambahan termasuk rangkaian saluran paip berasongan.

“Oleh itu, PBAPP akan terus berusaha untuk melaksanakan SPRWTS bagi manfaat jangka panjang sehingga tahun 2050 dan Sungai Perak merupakan penyelesaian terbaik untuk 30 tahun akan datang,” jelasnya.

# Program Penghargaan Warga Emas, ADUN harap perkhidmatan EFT dapat dilaksanakan

**SEJAK** diperkenalkan pada tahun 2009, Program Penghargaan Warga Emas (PPWE) telah memanfaatkan 183,440 penerima berusia 60 tahun dan ke atas di negeri ini sehingga kini.

Insentif sebanyak RM130 diberikan sebagai tanda penghargaan, pengiktirafan dan penghormatan Kerajaan Negeri kepada semua warga emas negeri tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik.

Tahun ini merupakan tahun ke-10 pelaksanaan program ‘emas’ berkaitan, dan saban tahun penambahbaikan dilakukan demi keselesaan penerima di semua 40 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di negeri ini.

Jom ikuti wartawan pelatih di Buletin Mutiara, **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN** mendekati beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang terlibat secara langsung dengan program ini.

Bagi **ADUN Komtar, Teh Lai Heng**, tahun ini merupakan tahun ketujuh baginya terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Program Penghargaan Warga Emas bagi KADUN Komtar.

“Bagi Fasa 1 tahun ini, seramai 4,329 warga emas yang layak menerima manfaat program ini.

“Tahun ini juga, sukarelawan yang membantu melancarkan proses pembayaran di kaunter bank ditambah termasuk menyediakan kerusi ketika menunggu giliran.

“(Dan) kakitangan bank di Maybank cawangan Komtar juga sangat membantu dan

pantas memproses bayaran...800 penerima dalam tempoh sejam, syabas,” ujarnya yang turut menzahirkan penghargaan kepada warga kerja Maybank Komtar dan sukarelawan yang membantu melancarkan proses pembayaran baru-baru ini.

Difahamkan, terdapat juga penerima dari KADUN lain yang turut menerima pembayaran di Maybank Komtar pada hari tersebut.

“Bagi mengelak kesesakan di bank, saya juga menyarankan agar mereka (penerima) dapat mendaftarkan diri bagi perkhidmatan pembayaran secara EFT (*Electronic Fund Transfer*) iaitu salah satu kemudahan perbankan untuk memasukkan wang ke akaun penerima secara terus.

“Melalui perkhidmatan EFT, pembayaran dapat dibuat dengan cepat, selamat dan menjimatkan masa penerima,” katanya.

Dalam pada itu, **Syerleena Abdul Rashid, ADUN Seri Delima** ketika ditemu menyatakan bahawa proses pembayaran berjalan lancar dengan sokongan padu daripada Pasukan Seri Delima, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Seri Delima dan juga kakitangan di pusat khidmat beliau.

“Cuma ada satu atau dua insiden yang mana penerima warga emas mengeluh kerana terpaksa berdiri lama memandangkan jumlah penerima yang agak ramai untuk empat hari pembayaran.

“Bagi KADUN Seri Delima, kali ini seramai 4,533 penerima layak menerima manfaat daripada program ini dan rata-rata warga emas yang sempat saya temui juga berterima kasih kepada Kerajaan Negeri atas inisiatif ini.

“Terbukti program ini sememangnya membantu meringankan sedikit bebanan warga emas dan rasa lebih dihargai,” jelasnya yang berharap agar lebih ramai warga emas dapat mendaftarkan diri menggunakan pembayaran secara EFT pada masa hadapan.

Bagi **Azrul Mahathir Aziz**, tahun ini merupakan tahun pertama beliau terlibat dengan proses pembayaran sebagai ADUN.

“Sebelum ini saya merupakan Pegawai Penyelaras KADUN bagi kawasan Bayan Lepas dan menjadi rutin apabila tiba waktu pembayaran bagi program emas.

“Alhamdulillah, walaupun seramai 3,556 penerima layak menerima kali ini,

proses pembayaran berjalan lancar.

“Istimewanya kali ini, bukan sahaja MPKK terlibat tetapi juga J a w a t a n k u a s a Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) yang baru ditubuhkan turut turun padang membantu,” ujarnya sambil menzahirkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat sepanjang proses pembayaran Program Penghargaan Warga Emas di KADUN Bayan Lepas.

Jelas **ADUN Bayan Lepas** itu, pelaksanaan program tersebut

membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih meneruskan inisiatif i-Sejahtera, iaitu program-program ‘emas’ untuk rakyat Pulau Pinang.

“Saya berharap program ini dapat diteruskan bagi tahun mendatang dan berharap janji yang terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan Pulau Pinang pada PRU (pilihan raya umum) lalu untuk meningkatkan bayaran warga emas kepada RM200 dapat ditunaikan segera,” maklumnya yang turut turun padang memantau dan membantu proses pembayaran kali ini.

Menurut **A. Kumaresan** selaku **ADUN Batu Uban**, tahun ini terdapat sedikit perubahan lokasi pembayaran bagi KADUN Batu Uban.

“Tahun ini merupakan kali pertama pembayaran diberikan di Maybank cawangan Komtar memandangkan Maybank di Relau telah menutup operasi.

“Walaupun keadaan agak sesak kerana pembayaran bagi KADUN Komtar turut diadakan serentak membabitkan 5,569 penerima daripada KADUN Batu Uban.

“Ada juga dalam kalangan warga emas yang agak panik kerana kali pertama perlu ke Komtar, sehinggakan ada yang datang seawal pukul 7 pagi sedangkan pembayaran hanya bermula pada 9:30 pagi.

“Jadi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyarankan agar bertengang kerana warga emas yang layak pasti akan menerima bayaran, tidak perlu panik sekiranya pusat pembayaran



**KETUA Menteri** beramah-mesra dengan beberapa penerima bayaran Program Penghargaan Warga Emas di sini baru-baru ini.

bertukar hanya ikut arahan yang diberikan dalam surat yang diterima,” sarannya.

Dalam pada itu, beliau turut meminta agar penerima dapat mendaftarkan diri di Pusat Khidmat bagi perkhidmatan EFT.

“Pendaftaran telah dibuka bagi menggunakan perkhidmatan EFT, dan ia akan lebih memudahkan warga emas, saya harap perkhidmatan ini dapat diperluaskan bukan sahaja untuk program ini malah juga (program-program) yang lain,” katanya.

Di Sungai Pinang, seramai 5,366 warga emas yang layak menerima bayaran RM130 tahun ini.

Perkara itu dimaklumkan melalui laman rasmi **Facebook ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim** yang turut hadir membantu proses pembayaran di Maybank cawangan Sungai Pinang.

Menurut catatan beliau, rata-rata warga emas menunggu saban tahun untuk menerima insentif tunai daripada Kerajaan Negeri itu. Malah, katanya, ada yang hadir awal untuk menerima RM130.

Sebagai rekod, bagi pembayaran insentif tunai Program Penghargaan Warga Emas, terdapat tiga kategori pembayaran, iaitu pembayaran secara tunai di cawangan Maybank mengikut KADUN masing-masing atau di Pejabat-pejabat Daerah; pembayaran secara EFT (terpilih) dan bayaran bagi penerima EFT (tidak terpilih) iaitu kaedah bayaran dan lokasi akan ditetapkan oleh pentadbir.



**BEBERAPA** penerima dan waris tidak melepaskan peluang berswafoto dengan Syerleena Abdul Rashid (tengah).

## Kerajaan Negeri laksana kajian keberkesanan program ‘emas’

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini sedang menjalankan kajian terperinci bagi melihat sejauh mana keberkesanan pelaksanaan program-program kebajikan ‘emas’ di negeri ini sejak 10 tahun lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow berkata, salah satu matlamat utama kajian tersebut adalah untuk melihat sama ada berlaku pertindihan antara program-program kebajikan yang dilakukan di peringkat negeri dan (di peringkat) Persekutuan.

“Memandangkan kini Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan juga memperkenalkan beberapa program kebajikan dan kesihatan untuk golongan tersasar, maka kajian keberkesanan (di peringkat negeri) perlu dilaksanakan supaya tidak berlaku pertindihan (program kebajikan).

“Kajian ini dipimpin oleh Timbalan Ketua Menteri I bersama-sama Pegawai Kewangan Negeri dan telahpun dibentangkan dalam

Mesyuarat Exco baru-baru ini. (Hasil kajian) ini akan diteliti dan perbincangan lanjut akan diteruskan dalam mesyuarat akan datang.

“Sepertimana yang kita (Kerajaan Negeri) dapat, apabila sesuatu faedah diperkenalkan dan disambut baik oleh rakyat, maka amat susah untuk ditarik balik atau menghentikannya.

“Hal ini kerana, rakyat sememangnya mengharapkan program-program sedemikian dapat diteruskan. Maka, Kerajaan Negeri akan memberi pertimbangan sewajarnya terhadap hasrat dan ekspektasi rakyat walaupun ia melibatkan komitmen kewangan yang kian meningkat saban tahun,” ujarnya kepada pemberita sejurus meninjau proses pembayaran bagi Program Penghargaan Warga Emas di Maybank cawangan Plaza MWE di sini 13 April lalu.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota itu, sejak 10 tahun lalu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah

membelanjakan lebih RM300 juta bagi membiayai program-program kebajikan di negeri ini.

“Program Penghargaan Warga Emas misalnya menjadi antara program yang amat dihargai oleh warga emas, dan kita (Kerajaan Negeri) sememangnya berhasrat untuk meneruskannya pada masa hadapan.

“Tambahkan pula, saban tahun bilangan kelompok yang menyertai usia emas (60 tahun dan ke atas) bertambah.

“(Dan) setelah sekian lama proses pembayaran dilakukan di bank dan Pejabat Daerah, terdapat hasrat untuk melaksanakan pembayaran menggunakan perkhidmatan EFT (*Electronic Fund Transfer*) iaitu wang dimasukkan terus ke akaun penerima.

“Tahun lepas, kita telah mulakan pendaftaran (bagi menggunakan perkhidmatan bayaran secara EFT) namun kerana kekangan teknikal, hanya sebahagian penerima sahaja dapat

pembayaran melalui perkhidmatan ini tahun ini.

“Saya juga telah mengarahkan YB Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) serta Pegawai Kewangan Negeri untuk melihat kekangan ini dan berharap tahun hadapan pembayaran dapat dibuat secara EFT,” jelasnya yang gembira apabila proses pembayaran dapat dilaksanakan dengan lancar dan cepat.

Apabila disoal sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memperkenalkan program-program kebajikan baharu bagi golongan tersasar, Kon Yeow berkata, pihaknya masih belum sedia untuk mengumumkan apa-apa inisiatif lagi buat masa ini.

Sebagai rekod, seramai 183,440 individu layak menerima manfaat Program Penghargaan Warga Emas tahun ini dan bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Kota adalah membabitkan 4,136 warga emas layak menikmatinya.

# Optimis Pulau Pinang mampu capai sasaran purata tahunan pelaburan RM5 bilion

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetap optimis untuk mencapai sasaran purata tahunan pelaburan negeri yang ditetapkan iaitu pada kadar RM5 bilion tahun ini meskipun ekonomi dunia mengalami impak ekoran perang perdagangan Amerika Syarikat dan China kini.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow berkata, data daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) merekodkan jumlah pelaburan bagi Pulau Pinang pada tahun 2018 adalah RM5.7 bilion berbanding RM10.8 bilion tahun sebelumnya (2017).

Penyusutan jumlah pelaburan negeri itu katanya adalah disebabkan oleh perubahan kitaran dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E) yang menjadi penyumbang utama kepada eksport negeri Pulau Pinang.

“Sektor E&E adalah bahagian pelaburan terbesar di Pulau Pinang, dan ia bergantung kepada kitaran yang mengambil masa

lama iaitu antara tiga hingga empat tahun.

“Sektor ini juga ada turun dan naiknya dan ia dapat digambarkan dalam angka yang direkodkan oleh MIDA, tambahan pula ekosistem pelaburan tahun lepas adalah agak mencabar,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, sepanjang tempoh 10 tahun sejak 2008, Pulau Pinang berjaya mencatatkan jumlah pelaburan RM58 bilion.

“Tahun ini, kita (Kerajaan Negeri) akan perhebatkan lagi usaha untuk terus kekal sebagai destinasi pilihan pelabur, dan saya komited untuk menarik pelaburan baharu ke Pulau Pinang.

“Kita (Kerajaan Negeri) juga akan meneliti insentif yang ada untuk mengadakan pelaburan semula dengan para pelabur sedia ada di sini (Pulau Pinang) selain menjana pelaburan dalam sektor lain seperti pelancongan perubatan, angkasa lepas dan sub sektor,” ujarnya yang turut berpuas hati dengan kadar

pelaksanaan projek yang diluluskan oleh MIDA bagi negeri ini yang berjaya mencapai 80 peratus.

Ditanya mengenai perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China, Kon Yeow memberitahu bahawa pihaknya akan terus memantau perkembangan pasaran global semasa.

“Kapasiti pengoperasian pemain utama industri pasaran dunia mungkin akan terjejas dengan perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China, namun bagi Pulau Pinang, ia akan kekal menjadi destinasi strategik pelaburan daripada kedua-dua negara.

“Meskipun pasaran agak lembap dengan penurunan hampir 50 peratus dalam pasaran automotif, kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) masih berharap sesuatu yang positif akan berlaku.

“(Dan) kita akan terus memantau situasi ini dari semasa ke semasa bagi memastikan ekosistem pelaburan di negeri ini dapat dikukuhkan,” jelasnya.

## Majlis Penasihat Pelaburan Strategik Pulau Pinang, tumpu promosi pelaburan tarik pelabur



KETUA MENTERI merakam gambar kenangan bersama-sama sebahagian anggota Majlis Penasihat Pelaburan Strategik Pulau Pinang dilantik di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**  
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Majlis Penasihat Pelaburan Strategik Pulau Pinang (PSIAC) yang baru ditubuhkan bakal menumpukan kepada pembangunan serta promosi pelaburan untuk menarik pelabur ke negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow berkata, penubuhan PSIAC akan membolehkan *investPenang* (iP) selaku agensi yang mempromosikan pelaburan negeri bekerjasama dengan sektor swasta dan pihak berkepentingan dalam industri membangunkan polisi pelaburan yang konstruktif serta komprehensif.

“Secara dasarnya, ahli-ahli dalam majlis (PSIAC) ini akan memainkan peranan menasihati Kerajaan Negeri dalam membangunkan ekonomi negeri dan mendapatkan keyakinan pelabur untuk memilih Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan strategik sama ada dalam sektor industri, teknologi, perniagaan serta perkhidmatan.

“Sebagai penerima informasi pasaran global dan trend teknologi terkini, saya percaya ahli-ahli dalam

PSIAC dapat membantu Kerajaan Negeri memudahkan cara input-input yang bernes dalam mendepani cabaran dan peluang masa hadapan,” ujarnya pada sidang media selepas mengumumkan penubuhan majlis berkaitan di sini 4 April lalu.

PSIAC terdiri daripada 11 anggota antaranya, Kon Yeow selaku Pengerusi PSIAC serta Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Selain itu, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato’ Abdul Halim Hussain; Penasihat Khas Ketua Menteri Pulau Pinang yang juga Pengarah iP, Dato’ Seri Lee Kah Choon dan Dato’ Loo Lee Lian (Ketua Pegawai Eksekutif iP) turut sama menganggotai PSIAC.

Lain-lain, Datuk Heng Huck Lee (Ketua Pegawai Eksekutif Globetronics Technology Berhad); Dr. Yuma Konishi (Pengarah Urusan Texchem Life Sciences Sdn. Bhd.); Dave Mitchell (Naib Presiden dan Pengurus Besar Boston Scientific Malaysia); Lim Yong Jin (Presiden Asia Pasific Plexus Manufacturing Sdn. Bhd.) dan Srinath Sambasivan (Pengarah Urusan Citigroup Transaction Services (M) Sdn. Bhd.).

## Caj 50 sen beg plastik, libatkan pihak berkepentingan dalam industri sebelum kata putus

**GEORGE TOWN** - Cadangan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh untuk menaikkan caj terhadap penggunaan beg plastik daripada 20 sen kepada 50 sen masih belum diputuskan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, perkara itu telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Exco pada 29 Mac 2019.

“Walau bagaimanapun, ia masih di peringkat cadangan dalam usaha memperhebatkan lagi kempen mengurangkan penggunaan beg plastik.

“Isu penggunaan dan pembuangan beg plastik ini menjadi isu global, maka sebarang cadangan ke arah penambahbaikan amat perlu dan dialuan,” ujarnya pada sidang media sejurus merasmikan Persidangan ‘Inspiring Future Leaders’ dekat sini 30 Mac lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa sejak mewujudkan caj terhadap penggunaan beg plastik pada tahun 2009, sejumlah RM9 juta telah dipungut hasil daripada inisiatif berkaitan.

“Situasi ini menunjukkan bahawa caj 20 sen yang dikenakan (kini) tidak menghindari pengguna daripada menggunakan, sebaliknya, ia menunjukkan bahawa pengguna rela membayar jumlah itu untuk mendapatkan beg plastik.

“Namun, melalui perhatian umum mendapat lebih 50 peratus rakyat Pulau Pinang membawa beg sendiri apabila membeli-belah,” ujarnya.

Tambah beliau, pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam sebarang isu berbangkit adalah untuk melibatkan pihak-pihak berkepentingan sebelum memberi kata putus.

“Kita (Kerajaan Negeri) akan melibatkan pihak-pihak berkepentingan termasuk yang terlibat dalam industri ini untuk berbincang mengenai cadangan (menaikkan caj) sebelum membuat sebarang keputusan.

“(Kita) juga akan mengambil pandangan rakyat, dan mungkin dalam proses ini, kesedaran awam dapat ditingkatkan. Mungkin umum akan lebih sedar tentang inisiatif mengurangkan penggunaan beg plastik.

“(Dan) mungkin pengguna tidak perlu lagi membayar untuk mendapatkan beg plastik, sebaliknya membawa beg sendiri.

“Penggunaan beg plastik yang tidak terkawal akan menjadikan alam sekitar termasuk sungai-sungai serta lautan, dan jika tidak dibendung akan menjadi suatu masalah yang memberi impak terhadap manusia sejagat,” ulasnya.

Ditanya sama ada Kerajaan Negeri akan menghentikan pengeluaran beg plastik dalam usaha mengurangkan penggunaannya, Kon Yeow memberitahu bahawa selain bertindak melalui pelaksanaan sesuatu dasar, inisiatif lain yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan juga perlu.

“Bukan hanya penguatkuasaan sahaja, tetapi usaha-usaha lain juga boleh menjurus kepada pengurangan penggunaan beg plastik.

“Hal ini kerana, plastik juga kini menjadi salah satu industri, kerana boleh dikitar semula, yang memberi impak berantai bukan sahaja terhadap alam sekitar tetapi juga ekonomi.

“(Dan) usaha-usaha ini menjurus ke arah menjana ekonomi hijau sejajar dengan visi Penang2030 iaitu ‘Green State’ (Negeri Hijau),” jelasnya.

# Program Keusahawanan Komuniti bantu kumpulan sasaran jana pendapatan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**  
 Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SUNGAI DUA** - Program Keusahawanan Komuniti anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang dilihat mampu menjadi platform kepada kumpulan sasaran seperti suri rumah, ibu tunggal dan golongan belia untuk menjana pendapatan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, antara program yang diberikan tumpuan melalui program tersebut adalah perniagaan secara dalam talian (*online*), aktiviti pertanian seperti penanaman dan penerangan, pembuatan kuih-kuih tradisional serta banyak lagi.

"Pelbagai bentuk inisiatif dan bantuan sama ada di peringkat Kerajaan Negeri mahupun

Persekutuan disediakan bagi membantu serta memperkasakan usahawan dalam pelbagai bidang.

"Antaranya, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah membelanjakan sebanyak RM16.53 juta di bawah Skim Pinjaman Harapan (SPH) bagi membantu kira-kira 3,197 usahawan untuk mengembangkan perniagaan masing-masing," katanya semasa merasmikan program berkenaan di sini 30 Mac lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; Pemangku Pengawai Daerah Seberang Perai Utara, Rosmin Yaakob; Pegawai Penerangan, Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri, Pejabat Ketua Menteri, Zahar Zainul; Pegawai Penyelaras Pengurusan Komuniti Kampung



**KETUA MENTERI** mencuba peralatan mencetak baju T di salah satu gerai pameran yang mengambil bahagian pada penganjuran Program Keusahawanan Komuniti di sini baru-baru ini.

(KADUN) Sungai Dua, Yusri Ahmad; Pengurus Majlis (MPKK); wakil-wakil pemimpin tempatan serta ramai lagi.

Mengulas lanjut, Kon Yeow

menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri juga memperkenalkan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) bagi membantu para usahawan muda khususnya dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan yang memanfaatkan seramai 131 penerima sejak tahun 2014.

"Setakat ini, kita telah menyalurkan sebanyak RM713,000 kepada usahawan-usahawan yang layak dan masih berbaki RM37,000 daripada jumlah keseluruhan peruntukan berjumlah RM750,000.

"Justeru, Kerajaan Negeri berharap dengan segala bentuk bantuan yang diberikan secara berterusan kepada para usahawan negeri ini akan berupaya membantu golongan berpendapatan rendah (B40) khasnya untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu berdikari pada masa hadapan," ujarnya.

## Kempen Hari Tanpa Beg Plastik perlu diteliti semula, saran Exco

**DATUK KERAMAT** - Kempen Hari Tanpa Beg Plastik dilihamkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2009 perlu diteliti dan dikaji semula memandangkan jumlah terkumpul bagi caj RM0.20 yang dikenakan adalah mencecah RM8.96 juta.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, kempen yang diluncurkan sejak 10 tahun lalu tidak memberi impak positif dalam kalangan pengguna.

"Pengguna masih sanggup membayar caj RM0.20 yang dikenakan, dan jumlah kutipan terkumpul mencecah hampir RM9 juta. Sudah berapa juta beg plastik telah terjual sehingga kini?

"(Dan) ia agak mengecewakan apabila objektif utama kempen ini mungkin kurang berjaya kerana kita (Kerajaan Negeri) tidak melihat kepada jumlah kutipan, sebaliknya mahu meningkatkan kesedaran umum.

"Oleh itu, saya berpandangan kempen ini harus diteliti dan dikaji semula agar pelaksanaannya lebih berkesan serta capai sasarnya," katanya sejurus menghadiri acara gotong-royong di Solok York dekat sini 31 Mac

lalu.

Menurut Jagdeep, beliau amat berharap Kerajaan Negeri dapat berunding dengan pihak-pihak berkepentingan berkaitan dalam waktu terdekat ini bagi mendapatkan input komprehensif demi kepentingan generasi masa hadapan.

Terdahulu, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri kini sedang mencari mekanisme bagi menaikkan caj penggunaan beg plastik kepada RM0.50.

Walau bagaimanapun, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mahu suara semua pihak berkepentingan diambil kira sebelum mencapai kata putus dalam pelaksanaan kempen tersebut.

Kempen Hari Tanpa Beg Plastik dilancarkan pada 6 Julai 2009 dengan objektif utama adalah untuk mentransformasikan Pulau Pinang sebagai Negeri Hijau sekaligus dapat meningkatkan kesedaran rakyat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

Purata bulanan menunjukkan lebih daripada 20,000 beg plastik telah berjaya dikurangkan penggunaannya di pasar raya dan pasar raya besar di negeri ini sejak kempen tersebut dilancarkan.



**JAGDEEP** Singh Deo (berkemeja putih) merakam gambar kenangan bersama-sama ahli jawatankuasa pengangur, komuniti setempat dan wakil-wakil pihak berkuasa tempatan yang mengambil bahagian dalam penganguran gotong-royong di sini baru-baru ini.

## Klinik Kesihatan di Bandar Perda jangka siap 2021

**SEBERANG JAYA** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap RM26 juta projek Kerajaan Pusat membina Klinik Kesihatan di Bandar Perda akan siap mengikut jadual iaitu pada tahun 2021.

Kelak, katanya, klinik kesihatan itu dijangka dapat menampung antara 600 hingga 800 pesakit dalam sehari.

"Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesihatan dalam usaha menyediakan perkhidmatan kesihatan bermutu tinggi dan persekitaran rawatan yang lebih selesa kepada rakyat.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga tidak ketinggalan dan turut memainkan peranan yang hampir sama dalam memastikan kebajikan rakyat negeri ini terus diperbaiki... dengan melaksanakan inisiatif menerusi kerjasama bersama Jabatan Kesihatan."



**KETUA MENTERI** mendengar penjelasan berhubung perkembangan projek pada Majlis Pecah Tanah Projek Klinik Kesihatan (Jenis 2) Bandar Perda di sini baru-baru ini.

# PBAPP tidak pandang ringan keselamatan dan jaminan air Negeri – Jaseni

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa berusaha ke arah menjamin bekalan air sehingga tahun 2050.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa menyatakan bahawa PBAPP telah merangka pelbagai strategi berdasarkan syor daripada kajian pelan induk sejak 10 tahun lalu bagi memastikan bekalan air mencukupi, termasuk mengelakkan catuan.

"Pulau Pinang telah mencapai margin rizab air sebanyak 32.9 peratus pada tahun lepas iaitu yang tertinggi dan paling selamat di Malaysia berbanding purata margin kebangsaan sebanyak 14.3 peratus pada 2017."

"(Dan) hasil tersebut mampu dicapai kerana Pulau Pinang mempunyai pelan induk bekalan air yang dipanggil 'Pelan Induk Bekalan Air Minuman di Pulau Pinang hingga Tahun 2050'," katanya pada sidang media di sini pada 1 April lalu.

Beliau berkata demikian sebagai menafikan laporan oleh sebuah pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) bertajuk "Pulau Pinang memerlukan PWMP (Pelan Induk Air Pulau Pinang) lebih daripada PTMP (Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang)" yang diterbitkan pada 26 Mac lalu.

Laporan tersebut antara lain menyebut bahawa Pulau Pinang tidak mempunyai pelan jangka panjang yang komprehensif untuk menguruskan bekalan air.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow turut menyertai sidang media berkaitan.

Mengulas lanjut, Jaseni menyatakan bahawa pada tahun 2009, PBAPP menjalankan 'Kajian Pelan Induk untuk Bekalan Air Minuman di Pulau Pinang sehingga Tahun 2050' yang mengunjurkan permintaan air terawat di Pulau Pinang menjadi 1,483 juta liter sehari (MLD) menjelang 2030; 1,696 MLD menjelang 2040 dan 1,884 MLD menjelang 2050.

Tambahnya, kajian tersebut juga menyatakan bahawa kira-kira 80 peratus air mentah Pulau Pinang adalah datangnya dari Sungai Muda, dan terdapat keperluan untuk mengurangkan kebergantungan keterlaluan dari satu sumber sahaja.

"Justeru, kajian ini mencadangkan pelaksanaan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) untuk memperoleh sumber air mentah utama yang kedua bagi Pulau Pinang."

"Sejak tahun 2011, Kerajaan Negeri dan PBAPP cuba mempercepatkan pelaksanaan SPRWTS yang dilihat bukan



**KETUA MENTERI DAN IR. JASENI MAIDINSA (KANAN)** menunjukkan dokumen 'Pelan Induk Bekalan Air Minuman di Pulau Pinang hingga Tahun 2050' pada sidang media di sini baru-baru ini.

sahaja memanfaatkan Pulau Pinang, tetapi juga kepada Perak Utara.

"Bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sebelum ini gagal melaksanakan SPRWTS dalam tempoh 2012-2018, tetapi dengan adanya Kerajaan Persekutuan yang baharu ini, Kerajaan Negeri dan PBAPP akan mempercepatkan perkara itu," jelasnya.

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu bahawa potensi maksimum hasil air mentah dari SPRWTS bagi Pulau Pinang adalah 1,000 MLD tetapi pada tahun lepas, PBAPP menghasilkan 1,073 MLD air terawat setiap hari dengan mengabstrak air mentah dari Sungai Muda dan sumber air mentah lain di Pulau Pinang.

"Unjuruan permintaan air di negeri ini pada 2050 adalah 1,884 MLD. Oleh itu, daripada potensi hasil yang dijangkakan, SPRWTS dapat memastikan jaminan bekalan air untuk Pulau

Pinang sehingga 2050," ujarnya.

Jaseni, dalam pada itu, secara tegas menafikan dakwaan bahawa pihaknya memandang ringan berhubung keselamatan atau jaminan air di negeri ini.

"PBAPP secara aktif telah menyiar berita bekalan air di media sosial melalui Facebook dan mengemas kini kapasiti efektif empangan Pulau Pinang secara teratur di [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my) untuk rujukan awam."

"Bukan itu sahaja, dari tahun 2008 hingga 2018, PBAPP telah melabur kira-kira RM682.6 juta dalam projek kejuruteraan bekalan air di negeri ini."

"Malah, pada 14 Januari lalu, PBAPP mengeluarkan kenyataan media yang menyatakan bahawa kami merancang untuk melabur sebanyak RM501 juta dalam projek bekalan air dalam tempoh 2019 hingga 2021 demi manfaat penduduk di negeri ini," katanya.

Beliau dalam pada itu juga, turut menafikan dakwaan bahawa Kerajaan Negeri tidak membuat susulan berhubung kempen menyelamatkan Ulu Muda (tadahan air Sungai Muda) sebagaimana dilaporkan NGO berkenaan.

"Dalam tempoh 2016 hingga 2018, PBAPP telah mengeluarkan 63 kenyataan media mengenai isu utama bekalan air dan pembangunan di Pulau Pinang serta wilayah utara, termasuk 15 kenyataan merujuk secara khusus kepada Ulu Muda."

"PBAPP juga telah mengeluarkan kenyataan media pada 23 Oktober 2018 yang mencadangkan langkah-langkah untuk melindungi Ulu Muda sebagai "Kawasan Tadahan Air Wilayah Utara" selama-lamanya."

"Turut dicadangkan, penubuhan Jabatan Persekutuan untuk memantau dan mengurus Ulu Muda, bukan sahaja untuk Kedah, tetapi untuk Perlis dan juga Pulau Pinang."

"Selain itu, Persekutuan juga memberikan pampasan kepada Kedah untuk memulihara Ulu Muda, bukan sahaja untuk Kedah, tetapi untuk Perlis dan juga Pulau Pinang."

"Justeru, adalah tidak benar bahawa jaminan air dipandang ringan di Pulau Pinang, sebaliknya ia diberi keutamaan sebagai keperluan kritis dalam memenuhi visi Penang2030 untuk menjadi sebuah negeri '*A Family-focused Green and Smart State that Inspires the Nation*'," ujarnya.

## Henti kerja projek pinggir laut Macallum dilakukan ‘secara sukarela’ – Jaseni

**GEORGE TOWN** – Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa menolak dakwaan bahawa Polis Marin telah menghentikan segera kerja-kerja perlombongan pasir di Weld Quay sebagaimana dilaporkan beberapa portal berita atas talian baru-baru ini.

Beliau berkata, kerja-kerja di tapak projek berkenaan telah dihentikan oleh pihak kontraktor secara ‘sukarela’ sejak 30 Mac lalu.

"PBAPP (pemilik projek) dan WSSB tidak menerima sebarang arahan ‘henti kerja’ daripada mana-mana pihak berkuasa," katanya pada sidang media di sini 1 April lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow turut serta dalam sidang media berkenaan.

Jaseni menjelaskan bahawa PBAPP telah mengarahkan WSSB untuk secara sukarela menghentikan semua kerja penggalian dan penambakan tanah sehingga mereka mendapatkan permit daripada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang (PTG).

"Arahan tersebut dikeluarkan selepas WSSB memaklumkan kepada PBAPP bahawa mereka menerima surat daripada PTG

bertarikh 29 Mac 2019 yang menuntut pihak berkaitan memohon Permit 4B untuk Penghapusan Pasir Laut dari Pulau Pinang," ujarnya.

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu bahawa kerja-kerja penggalian dan penambakan tanah di kawasan pinggir laut Macallum di sini adalah berkaitan dengan Projek Saluran Paip Dasar Laut ketiga Pulau Pinang, dan bukannya aktiviti perlombongan pasir.

Jelasnya, sebahagian daripada bahan yang digali akan digunakan untuk menambak semula tanah di pinggir laut Macallum.

"Tanah yang ditambak ini akan menempatkan tapak pendaratan saluran paip ke pulau serta pangkalan operasi untuk projek ini selepas ia diauliahkan."

"Apabila kerja pemasangan paip selesai, tanah yang ditambak akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan dalam erti kata lain, semua tanah yang ditambak untuk projek ini akhirnya akan menjadi tanah milik negeri."

"Manakala, baki bahan yang digali akan dilupuskan di tapak yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Laut Wilayah Utara."

"Jadi, ini bukan projek perlombongan pasir,

sebaliknya projek khidmat awam pengurusan bekalan air yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri," ulasnya lanjut.

Tambah beliau, fasa satu dan dua projek berkenaan yang berkaitan pemasangan saluran paip baru di atas tanah di Butterworth dan Pulau Pinang telah pun selesai.

Manakala, bagi fasa ketiga pula jelasnya, melibatkan pemasangan saluran paip berkembar dasar laut sepanjang 1,200 milimeter (mm) di sepanjang saluran 3.2 kilometer (km) di antara Butterworth dan Pulau Pinang.

"Kerja-kerja penggalian dasar laut diperlukan untuk menggali parit 3.2km di sepanjang selat untuk meletakkan saluran paip berkembar di bawah dasar laut."

"Langkah ini akan melindungi saluran paip dan menghalang saluran paip daripada terapung ke atas."

"Oleh itu, adalah tidak mungkin untuk memasang saluran paip dasar laut berkembar 3.2km daripada 1,200mm di laut tanpa mengerakkan pasir atau mengganggu dasar laut."

"Apa yang paling penting adalah untuk menguruskan impak alam sekitar dan

meminimumkan kesan buruk," jelasnya.

Justeru, mengulas mengenai dakwaan bahawa ‘perlombongan pasir di Weld Quay’ telah menjaskan tangkapan nelayan, Jaseni berkata, adalah tidak mungkin kerja-kerja yang dilaksanakan memberi kesan kepada penangkapan ikan di kawasan sejauh beberapa kilometer seperti di Batu Uban, Teluk Bahang dan Balik Pulau.

"Berikutnya dakwaan itu, pada 29 Mac lalu, kakitangan JAS melawat tapak kerja di Macallum dan mendapati WSSB telah mematuhi syarat-syarat ditetapkan untuk kerja termasuk penyerahan laporan bebas bulanan."

"Laporan ini mengandungi hasil ujian pada sampel air laut yang diambil di tiga kedalaman di lokasi 150 meter jauhnya dari tempat kerja yang mana laporan untuk Mac 2019 menunjukkan variasi yang minimum dalam parameter kualiti air laut utama berbanding dengan laporan *baseline* yang dikemukakan pada November 2018," katanya.

Difahamkan, PBAPP telah melabur sebanyak RM125 juta bagi projek berkenaan untuk menyalurkan tambahan 315 juta liter air sehari (MLD) ke bahagian pulau berikutnya permintaan air yang semakin meningkat.

# Tibi masih menjadi salah satu masalah kesihatan awam utama, perlu perhatian wajar

Oleh : SUNARTI YUSOFF  
Gambar : LAW SUUN TING

**SUNGAI ACHEH** - Kerajaan Negeri berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri bebas daripada jangkitan penyakit Tibi dalam beberapa tahun akan datang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, sasaran itu mampu dicapai sekiranya semua pihak dapat merangka strategi dan meneruskan komitmen yang padu pada setiap tahun.

"Berdasarkan laporan Persatuan Kesihatan Dunia (WHO), di Pulau Pinang masih mencatatkan 1,228 kes jangkitan penyakit Tibi yang perluri diberikan rawatan.

"Walau bagaimanapun, saya percaya dengan komitmen daripada pihak (Jabatan) Kesihatan dan penglibatan masyarakat terutama sekolah, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta barisan media akan dapat meningkatkan lagi kesedaran mengenai penyakit ini.

"Justeru, mana-mana individu yang mempunyai simptom-simptom penyakit ini (Tibi) perlu mendapatkan pengesahan di klinik kesihatan atau hospital supaya rawatan dapat dimulakan dengan segera.

"Kita percaya penyakit Tibi boleh dirawat dalam masa kurang daripada setahun, tetapi jika tidak dirawat penyakit ini boleh berjangkit kepada ahli-ahli keluarga atau rakan sekerja yang lain.

"Oleh itu, adalah sangat penting

bagi individu yang dijangkiti penyakit Tibi untuk menerima rawatan supaya ia tidak menjangkiti orang-orang di persekitarannya," katanya selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Tibi Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini 6 April lalu.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri A s a s T a n i , Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Aceh, Zulkifli Ibrahim; ADUN Jawi, H'ng Mooi Lye; Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman; Pegawai Kesihatan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Dr. Shazlin Umar; Pengetua MRSM Transkrian, Abdul Tingoon serta ramai lagi.

Berucap sebelum itu, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam), Dr. Rokiah Mohd. menjelaskan bahawa sambutan Hari Tibi Sedunia dianjurkan setiap tahun bagi memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap penyakit berkenaan.



**BACAAN tekanan darah Ketua Menteri meraih perhatian terutamanya Dr. Afif Bahardin serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri lain bersempena Majlis Sambutan Hari Tibi Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

"Tibi masih lagi menjadi salah satu daripada masalah kesihatan awam yang utama dan memerlukan perhatian sewajarnya daripada semua pihak.

"Justeru, semua pihak perlu melipatgandakan usaha untuk membendung penyakit Tibi khasnya di negeri ini," katanya yang mewakili Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr. Wan Mansor Hamzah.

Difahamkan, mereka yang menghidap penyakit Tibi akan mengalami beberapa simptom seperti batuk berpanjangan

(melebihi dua minggu), demam, berpeluh pada waktu malam, kurang selera makan, susut berat badan dan batuk berdarah.

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG**  
Penang Public Library Corporation

**PESTA BUKU PULAU PINANG 2019**  
PAMERAN DUNIA MEDIA KINI KEMBALI

**MYDIN**

**23, 28 April 2019 | 10.00 pagi – 10.00 Malam**

**Adik Adham Ibnu Anas**

**Anda dijemput hadir beramai - ramai....**

**"Budaya Menggunakan Kita"**

**#JomBacaPulaPinang #PDM2019**

**f penanglib t penanglibrary o penanglibrary**

Untuk maklumat lanjut hubungi kami di talian 04-3902387 / 043971058

**FATTABIOUNI**

**TAK NAK STRAW**

**Kempen Tak Nak Plastik Sekali Guna**  
停止使用一次性塑料产品

200 TAHUN  
200年

KE-8  
第8

Penggunaan straw plastik memudaratkan hidupan laut dan alam sekitar

塑料吸管需花上200年才会分解

马来西亚在全球10大塑料废物处理不善的国家排行榜中居第8

使用塑料吸管严重破坏了大自然与海洋生态

**2030**

# Kejayaan usahawan terokai pasaran antarabangsa dipuji TKMI

Teks & Gambar : NORSHAHIDA YUSOFF

**PINANG TUNGGAL** – Pengeluar serbuk kopi *pre-mix* tempatan, Hang Tuah Sdn. Bhd. menyasarkan peningkatan keuntungan sebanyak RM17 juta tahun ini ekoran pengenalan beberapa produk terbaharunya di pasaran.

Pengurus Besarnya, Mazwan Noor berkata, produk-produk terbaru yang bakal dikeluarkan menjelang bulan Ramadan ialah teh tarik mix, kopi segera dan produk campuran rempah siap pakai.

“Selain daripada produk-produk tersebut, kami juga akan memperkenalkan nasi impit dan semua produk yang dinyatakan dijangka akan berada di pasaran pada Ramadan nanti,” ujarnya bersempena lawatan Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman ke kilang berkaitan dekat Kubang Menerong di sini 3 April lalu.

Kopi Hang Tuah merupakan produk perniagaan warisan tradisi yang diusahakan sejak tahun 1955 oleh pengasasnya, Allahyarham Zainal Said yang merupakan anak tempatan Pulau Pinang.

Mula dikenali sebagai Kopi Chap 3 Murid yang diusahakan di Seberang Perai dan telah dijenamakan sebagai

Kopi Hang Tuah pada tahun 1957, produk pengeluarannya kini telah dipelbagai serta dipasarkan ke seluruh negara serta peringkat antarabangsa.

Mengulas lanjut, Mazwan memberitahu bahawa syarikat berkenaan turut komited menuju ke arah industri hijau dengan memastikan segala aktiviti pengilangan tidak memberikan impak kepada alam sekitar melalui kerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Pusat Pengajian Teknologi Industri, Universiti Sains Malaysia (USM).

“Kita komited dalam merealisasikan revolusi perindustrian dengan mengaplikasikan teknologi-teknologi terkini yang bersesuaian, tetapi pada masa sama masih mengekalkan pekerja-pekerja sedia ada seramai 98 orang yang mana 100 peratus rakyat tempatan,” katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri & Perhubungan Masyarakat menyatakan bahawa beliau berbangga dengan perkembangan syarikat bumiputera berkaitan.

“Ini adalah satu pencapaian memberangsangkan apabila sebuah perniagaan kecil-kecilan kini mampu ke pasaran antarabangsa,” jelasnya.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kiri) sambil diiringi Mazwan Noor (kiri sekali) meneliti beberapa produk keluaran syarikat berkaitan pada sesi lawatan khas beliau di sini baru-baru ini.

## Ketua Menteri percaya Pulau Pinang akan terus berkembang pesat seiring peredaran masa

**GEORGE TOWN** – Sekiranya Pulau Pinang digambarkan sebagai sebuah negara, pastinya ia telah mencapai status negara maju, kata Pengarah investPenang, Datuk Seri Lee Kah Choon.

Hal ini kerana, menurut beliau Pulau Pinang berada pada laluan tepat ke arah status negara maju dengan keterangkuman dalam pelbagai segi.

Menurut Penasihat Khas kepada YAB Ketua Menteri itu juga, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi negeri Pulau Pinang pada 2017 adalah RM77.64 bilion iaitu menyumbang sebanyak 6.6 peratus KDNK negara pada tahun tersebut.

“Prestasi Pulau Pinang melonjak tinggi dengan pencapaian KDNK RM77.64 bilion pada tahun 2017.

“Malah, menurut Bank Dunia pada 2017, untuk mencapai status negara maju, sebuah negara itu perlu mempunyai KDNK per kapita USD \$12,000 iaitu pada kadar tukaran RM48,000 per kapita.

“(Dan) Pulau Pinang telah melepasinya apabila kita (negeri) berjaya mencapai RM49,873 per kapita... dan secara teknikalnya, menurut definisi Bank Dunia itu, Pulau Pinang adalah ‘negara maju’ sekiranya kita adalah sebuah negara.

“Namun, sebagai sebuah negara secara keseluruhannya belum berada pada tahap seperti yang dicapai oleh Pulau Pinang kini,” ucapnya pada persidangan ‘Inspiring

Future Leaders’ anjuran Persatuan Perniagaan Wanita Pulau Pinang (PWCC) di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Kah Choon memberitahu bahawa Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mengembangkan lagi industri pelancongan di negeri ini.

“Pulau Pinang menerima kehadiran pelancong sekitar 4 juta orang setiap tahun, dan ia dilihat antara sektor yang masih boleh dibangunkan lagi.

“Selain itu, pelancongan perubatan juga kini telah menjadi salah satu industri penting dengan kehadiran pelawat mencecah 400,000 bagi mendapatkan rawatan perubatan di sini setiap tahun.

“(Dan) secara amnya, industri pelancongan perubatan ini mencipta banyak peluang sama ada daripada segi logistik iaitu pembangunan hospital dan fasiliti perubatan, penginapan serta perkhidmatan perubatan yang turut memanfaatkan rakyat Pulau Pinang,” katanya.

Dianggarkan, pada tahun 2017, sejumlah RM550 juta atau 42.3 peratus daripada pendapatan negara dijana melalui industri pelancongan perubatan.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow yang hadir merasmikan persidangan berkaitan berhasrat untuk melihat perubahan lebih baik buat Pulau Pinang.

“Sebagai Ketua Menteri, saya mahu

rakyat di negeri ini memperoleh pendapatan serta kehidupan yang lebih baik.

“Saya ingin melihat perubahan di Pulau Pinang yang mana keadaan di negeri ini lebih mampan, rakyatnya hidup bahagia dengan peluang pekerjaan dan infrastruktur awam lebih baik.

“(Dan) ini menjadi motivasi buat saya semasa dipertanggungjawabkan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang... jadi saya luncurkan visi Penang2030 ‘A Family-focused Green and Smart State that Inspires the Nation’,” ucapnya yang turut menyampaikan ucaptama mengenai ‘Penang2030 – Our Challenge’.

Kon Yeow percaya Pulau Pinang akan terus berkembang pesat seiring dengan peredaran masa.

“Dalam era digital ini, banyak perkara yang boleh diubah dengan mudah jika kita mempunyai formula yang betul.

“Misalnya, Pulau Pinang kini tidak lagi terlalu bergantung kepada sektor elektrik dan elektronik (E&E), sebaliknya kita (negeri) bergerak ke arah sektor-sektor lain seperti peranti perubatan, aeroangkasa, aeronautik, sains biologi, sains hayat serta penyumberan luar perniagaan global.

“Kita (Kerajaan Negeri) tidak mengabaikan sektor E&E, sebaliknya kita menggunakan ekosistem yang diwujudkan melalui sektor ini dan mencambah kepada sektor-sektor lain.

“Sudah lebih 40 tahun Pulau Pinang bergantung sepenuhnya terhadap sektor E&E, dan kini tiba masanya kita membangunkan sektor baharu seiring dengan kehendak pasaran global agar kita tidak ketinggalan dalam arus pembangunan,” jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berharap persidangan sehari itu dapat memberi inspirasi kepada lebih wanita untuk melangkah ke dunia korporat dan perniagaan.

“Anggaplah persidangan ini sebagai peluang untuk anda belajar daripada penceramah terkenal yang sememangnya utuh dan unggul dalam bidang masing-masing.

“Saya juga ingin menzahirkan penghargaan kepada PWCC kerana menjadi saluran untuk wanita bersatu membangunkan ekonomi negeri serta menjadi platform yang mendengar suara wanita,” katanya ketika ditemui.

Mantan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Rafidah Aziz antara kenamaan yang turut hadir pada persidangan berkaitan di samping Presiden PWCC, Datuk Annie Chin dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng.

(Dari muka 3).

# CCTV dan internet di projek perumahan, umum sambut baik, seru penelitian lanjut

**GEORGE TOWN** – Cadangan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo untuk mewajibkan penyediaan sambungan internet dan kamera litar tertutup (CCTV) bagi semua projek perumahan yang bakal dibina di negeri ini disambut baik masyarakat.

Rata-rata, penduduk yang ditemui menyifatkan pemasangan internet dan CCTV di skim-skim perumahan sebagai langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memenuhi keperluan asas rakyat terutamanya dalam aspek keselamatan.



C. Saravanan.

Antaranya, **C. SARAVANAN**, 49, yang merupakan pembantu am di pejabat kerajaan berpendapat bahawa pemasangan CCTV merupakan suatu keperluan bagi menjamin keselamatan memandangkan kes jenayah di seluruh negara kini semakin membimbangkan.

“Bagi pemasangan internet pula, kita tidak pasti sama ada pemaju bersedia atau tidak (menanggung kos) kerana kos untuk menyediakan jaringan fiber optik adalah agak tinggi.

“Satu kerisauan kita adalah sekiranya pihak pemaju bersetuju terhadap cadangan ini, maka harga rumah akan meningkat sekaligus membebankan pembeli.

“Jadi, pelaksanaannya perlu diteliti supaya hasrat Kerajaan Negeri untuk menyediakan kemudahan-kemudahan ini tidak bertukar menjadi beban kepada rakyat,” katanya kepada wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** yang membuat tinjauan lapangan di sekitar George Town baru-baru ini.

Bagi **HIDAYAH HAMID ARABY**, 40-an, seorang peniaga, menyambut baik sepenuhnya cadangan tersebut kerana berpendapat internet akan membantu masyarakat terutama golongan suri rumah untuk menjana pendapatan melalui perniagaan dalam talian selain memudahkan urusan harian.

“Sudah semestinya saya bersetuju dengan cadangan ini kerana apabila adanya CCTV, kita boleh memantau kes-kes jenayah seperti rompakan, kecurian, penculikan dan sebagainya.

“Pemasangan internet juga bagus sebab dengan adanya wifi percuma, ia dapat membantu suri rumah sepuh masa untuk menambah sumber pendapatan mereka.

“Internet juga memudahkan urusan harian sama ada untuk membeli-belah, membayar bil, berkomunikasi dan sebagainya,” responsnya.

Dalam pada itu, **MASTURA MOHD. ALI**, seorang penjawat awam menyatakan bahawa cadangan tersebut adalah sesuatu yang baik, namun beliau bimbang sekiranya penyediaan kemudahan-kemudahan tersebut akan meningkatkan lagi harga rumah.

“CCTV memang perlu untuk keselamatan, tetapi untuk internet kalau ada kemampuan kita boleh pasang sendiri.

“Kalau dilihat sekarang harga rumah sudah semakin meningkat walaupun tanpa kemudahan-kemudahan, dan kita risau harga rumah akan meningkat disebabkan perkara ini.

“Sebab, keutamaan kita dalam keadaan ekonomi sekarang adalah untuk memilih rumah dengan harga rumah mampu milik berbanding faktor-faktor lain,” ujarnya.



MASTURA Mohd. Ali.

Seorang lagi penjawat awam yang mahu dikenali sebagai **AIDI** pula menyatakan bahawa cadangan tersebut adalah baik namun memerlukan penelitian yang mendalam supaya pelaksanaannya kelak tidak membebankan pembeli.

“Persoalan di sini adalah pihak manakah yang akan menampung kos penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan ini.

“Adakah pihak pemaju, Kerajaan Negeri atau pembeli?” soal beliau.

## Mohd. Bazid dilantik Pengurus Besar PDC baharu

**TAHNIAH...** Timbalan Pengurus Besar (Perancangan dan Pembangunan) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Mohd. Bazid Abd. Kahar diumumkan sebagai Pengurus Besar baharu bagi perbadanan berkenaan berkuat kuasa 21 Mac lalu.

Pelantikan Mohd. Bazid, 59, bagi mengantik Datuk Rosli Jaafar yang bersara tetap pada 20 Februari 2019.


Mohd. Bazid disifatkan seorang yang berpengalaman luas dan telah menabur khidmat kepada PDC selama lebih 39 tahun.

Difahamkan, sepanjang perkhidmatan, pelbagai anugerah peringkat Negeri diterima beliau di atas sumbangannya kepada Pulau Pinang dan masyarakat, antaranya Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 1995 dan 2009, Pingat Jasa Kebaktikan, PJK (1992), Pingat Kelakuan Terpuji, PKT (2000) dan Bintang Cemerlang Negeri, BCN (2005).

Di samping itu, Timbalan Pengurus Besar (Pelaksanaan) PDC, Yeoh Lean Huat yang telah berkhidmat kira-kira 34 tahun dilantik sebagai Timbalan Pengurus Besar.



(Dari kiri), MOHD. Bazid Abd. Kahar, Chow Kon Yeow dan Yeoh Lean Huat (kanan).



# Sasar nisbah 40:40:20 sebagai penanda aras baharu pembuat keputusan

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF  
Gambar : LAW SUUN TING

**GEORGE TOWN** - Sebagai negeri perintis yang melaksanakan Dasar Keterangkuman Gender, Kerajaan Negeri kini menysarkan nisbah 40:40:20 sebagai penanda aras baharu di peringkat pembuat keputusan Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, nisbah tersebut mewakili 40 peratus wanita, lelaki (40 peratus) dan wanita dan lelaki (20 peratus).

"Wanita dan lelaki harus diberikan peluang yang sama untuk mengambil bahagian dalam pembuat keputusan supaya tidak ada satu gender pun yang mendominasikan proses membuat keputusan."

"Kerajaan Negeri kini menumpukan kepada keseimbangan dalam melaksanakan dasar-dasar di semua lapisan masyarakat, juga Pulau Pinang kini menerajui dalam agenda memajukan pembangunan wanita."

"Justeru, dengan adanya polisi kerajaan yang mesra wanita ini serta kemudahan sosial sedia wujud, golongan wanita harus menyiapkan diri masing-masing secara aktif dalam pengajuran program-program komuniti, mempelajari pelbagai kemahiran agar dapat membantu wanita maju ke hadapan," ujarnya pada Majlis Perasmian Wanita Hebat Perkasa bersempena Sambutan Hari Wanita Sedunia di sini baru-baru ini.

Hadir sama, dua wanita hebat di peringkat negeri iaitu isteri kepada Ketua Menteri, Puan Tan Lean Kee dan Chong Eng (Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender



KETUA Menteri dan isteri sambil diiringi Chong Eng (kanan sekali) serta Teh Lai Heng (dua dari kiri) memerhatikan teknik menghias tudung saji pada Majlis Perasmian Wanita Hebat Perkasa bersempena Sambutan Hari Wanita Sedunia di sini baru-baru ini.

dan Agama Selain Islam). Turut serta, Teh Lai Heng (Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Komtar).

Bertemakan Wanita Hebat Perkasa, pengajuran program berkaitan turut diisi dengan pelbagai aktiviti menarik, antaranya gubah tudung saji, taklimat menangani stress, aktiviti memasak secara gotong-royong dan cabutan bertuah.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjung menyeru usahawan wanita untuk menaik taraf kemahiran mereka dalam menghasilkan produk serta menambah baik jenama dan pembungkusan sedia ada.

"Dengan jenama yang baik serta pembungkusan yang menarik, produk-produk usahawan wanita ini mungkin suatu hari nanti boleh dipasarkan hingga ke luar, bukan sahaja di Pulau Pinang.

"Malah, jika produk sudah menarik, mempunyai jenama dan pembungkusan yang sesuai pastinya ia lebih mudah dipasarkan... mungkin ke peringkat antarabangsa seperti Vietnam, Indonesia dan Kemboja berbanding produk menarik tetapi tidak ada jenama serta pembungkusan yang sesuai tentu susah untuk dikembangkan pasarananya," jelasnya sambil berseloroh untuk memasarkan serbuk rempah Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Chong Eng ketika diminta mengulas mengenai dasar 40:40:20 baharu tersebut memberitahu bahawa pendekatan berkenaan hanya akan berjaya sekiranya golongan wanita berani untuk tampil ke hadapan.

"Proses untuk wanita berani tampil ke hadapan ini adalah sedikit berbeza dengan golongan lelaki ekoran tanggungjawab terhadap anak dan rumah tangga yang harus dipikul, walau bagaimanapun kita perlu berikan dorongan serta galakan kepada mereka."

"Apa yang penting adalah kemahuhan dan mereka bersedia untuk tampil ke hadapan, kita mesti dekati serta 'cari' mereka," ulasnya.

## DIBUKA UNTUK JUALAN Di Taman Menerong Indah @ Bertam



Rumah Berkembar 1 Tingkat  
Luas Tanah: 29.5' x 68' Luas Binaan: 860kp  
Min: RM278,000 Mak: RM338,000



Rumah Teres 1 Tingkat  
Luas Tanah: 20' x 60' Luas Binaan: 800kp  
Min: RM218,000 Mak: RM328,000



Rumah Berkembar 1-1/2 Tingkat  
Luas Tanah: 30' x 68' Luas Binaan: 1,298kp  
Min: RM338,000 Mak: RM376,000




Rumah Teres 1-1/2 Tingkat  
Luas Tanah: 20' x 60' Luas Binaan: 1,180kp  
Min: RM268,000 Mak: RM354,000

5%  
Diskaun  
Untuk  
Bumiputera  
Hak Milik Kekal

facebook Publicity Development Sdn Bhd (857277-W)

No 2, Tingkat 2, Persiaran Maklom,  
Pusat Perniagaan Maklom,  
13800 Butterworth, Pulau Pinang, Malaysia



WhatsApp  
012-319 6038

04-358 0522

PROJECT SITE

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow <a href="mailto:chowkonyeow@penang.gov.my">chowkonyeow@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
N.03 PINANG TUNGGAL YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman	(T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526
N.16 PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy <a href="mailto:ramasamy@penang.gov.my">ramasamy@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
N.07 SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh <a href="mailto:pheeboonpoh@penang.gov.my">pheeboonpoh@penang.gov.my</a> ; <a href="mailto:pheeboonpoh@yahoo.com">pheeboonpoh@yahoo.com</a>	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
N.10 SEBERANG JAYA YB Dr. Affi Bahardin	(T) 04 - 390 5109 (F) 04 - 390 5109
N.15 PADANG LALANG YB Chong Eng <a href="mailto:chong.eng@penang.gov.my">chong.eng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh Deo <a href="mailto:jagdeepsinghdeo@penang.gov.my">jagdeepsinghdeo@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain <a href="mailto:pusatkhidmatn3@gmail.com">pusatkhidmatn3@gmail.com</a>	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442
N.08 BAGAN JERMAL YB Soon Lip Chee	(T) 04 - 331 0163
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari	(T) 04 - 890 3866
N.34 PAYA TERUBONG YB Yeah Soon Hin	(T) 04 - 827 8868 (F) 04 - 827 8868
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng <a href="mailto:komtarN28@gmail.com">komtarN28@gmail.com</a>	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
N.02 BERTAM YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq	(T) 013 - 430 6400 (P) 04 - 576 7606
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Mustafa Kamal <a href="mailto:mustafakamal.mkba@gmail.com">mustafakamal.mkba@gmail.com</a>	(T) 04 - 351 1732
N.09 BAGAN DALAM YB Satees A/L Muniandy <a href="mailto:n9.bagandalam@gmail.com">n9.bagandalam@gmail.com</a>	(T) 04 - 313 3990
N.11 PERMATANG PASIR YB Muhammad Faiz Bin Fadzil <a href="mailto:faizfadzilamanah@gmail.com">faizfadzilamanah@gmail.com</a>	(T) 04 - 521 1106
N.12 PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin <a href="mailto:norlela_ariffin@gmail.com">norlela_ariffin@gmail.com</a>	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee <a href="mailto:berapit@dappg.org">berapit@dappg.org</a>	(T) 017 - 813 3509 (F) 04 - 540 0006
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon <a href="mailto:kllee78@gmail.com">kllee78@gmail.com</a>	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung <a href="mailto:gooihsiaoleung@penang.gov.my">gooihsiaoleung@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T) 04 - 502 5818 (F) 04 - 506 2138
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye <a href="mailto:jawi@dappg.org">jawi@dappg.org</a>	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
N.20 SUNGAI BAKAP YB Dr. Amar Pritpal Abdullah <a href="mailto:ybadunsungaibakapn20@gmail.com">ybadunsungaibakapn20@gmail.com</a>	(T)
N.21 SUNGAI ACHEH YB Zulkifli Ibrahim <a href="mailto:n21adunsgacheh@gmail.com">n21adunsgacheh@gmail.com</a>	(T)
N.23 AIR PUTIH YB Lim Guan Eng <a href="mailto:limguaneng@penang.gov.my">limguaneng@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 829 0614
N.24 KEBUN BUNGA YB Jason Ong Khan Lee <a href="mailto:kebunbunga24@gmail.com">kebunbunga24@gmail.com</a>	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
N.25 PULAU TIKUS YB Lee Chun Kit <a href="mailto:pulautikus@dappg.org">pulautikus@dappg.org</a>	(T) 04 - 228 5298 (F) 04 - 229 4294
N.27 PENGKALAN KOTA YB Gooi Zi Sen <a href="mailto:pengkalankota@dappg.org">pengkalankota@dappg.org</a>	(T) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
N.30 SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim <a href="mailto:limsiewkhim@penang.gov.my">limsiewkhim@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630
N.31 BATU LANCANG YB Ong Ah Teong <a href="mailto:batulancang@dappg.org">batulancang@dappg.org</a>	(T) 04 - 280 4411 (F) 04 - 280 4422
N.32 SERI DELIMA YB Syerleena Abdul Rashid <a href="mailto:32seridelima@gmail.com">32seridelima@gmail.com</a>	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.33 AIR ITAM YB Joseph Ng Soon Siang <a href="mailto:airitam@dappg.org">airitam@dappg.org</a>	(T) 04 - 829 9143
N.35 BATU UBAN YB Kumaresan A/L Aramugam <a href="mailto:kumar.harapan35@gmail.com">kumar.harapan35@gmail.com</a>	(T) 04 - 668 1062 (F) 04 - 668 1062
N.36 PANTAI JEREJAK YB Dato' Saifuddin Nasution	(T)
N.38 BAYAN LEPAS YB Azril Mahathir Aziz <a href="mailto:ambasegaria.aam@gmail.com">ambasegaria.aam@gmail.com</a>	(T) 04 - 649 3976 (F) 04 - 649 3976
N.39 PULAU BETONG YB Haji Mohd. Tuah Ismail	(T) 04 - 866 0214
N.40 TELUK BAHANG YB Zolkify Md. Lazim	(T)
DAP PENANG HQ <a href="mailto:dappg@streamyx.com">dappg@streamyx.com</a>	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115
-	(T)

Nama ADUN PEMBANGKANG	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
N.04 PERMATANG BERANGAN YB Nor Hafizah Othman	(T)
N.05 SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T)
PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA Md. Khalil Saleh <a href="mailto:novafast63@gmail.com">novafast63@gmail.com</a>	(T) 012 - 598 4881
N.04 PERMATANG BERANGAN Dato' Jasmin Mohamad <a href="mailto:jmmohamed002@gmail.com">jmmohamed002@gmail.com</a>	(T) 018 - 468 6610
N.05 SUNGAI DUA Yusri Isahak <a href="mailto:ysrregnot@gmail.com">ysrregnot@gmail.com</a>	(T) 019 - 337 4055

### Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
OPERATOR ANTARABANGSA	101		04-226 5161
HOTLINE MBPP	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957	FERI (GEORGETOWN) ( BUTTERWORTH)	04-210 2363
KASTAM	04-262 2300	JAMBATAN PP	04-398 7419
IMIGRESEN	04-250 3419	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	CAP	04-829 9511
EPF	04-226 1000	BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
SOCSCO	04-238 9888	PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108
			04-229 8555

### Program-Program Emas



Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS  
MPSP 2019**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
Anuar Yusoff	016 - 461 6390
A'ziss Zainal Abiddin	017 - 938 9192
Cheen Goon Hooi	012 - 402 0923
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Dr. Seow Kweng Tian	012 - 507 2229
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
Jason Raj a/l Kirupanantha	014 - 905 8113
Johnson a/l Anthonysamy	012 - 424 5745
Kang Yau Chuang	010 - 829 3904
Khong Chee Seong	011 - 1522 6628
Kumaran A/L Krishnan	012 - 464 4697
Marshidaliza Marzuki	011 - 3929 9023
Mohd Saifullah Abd. Nasir	013 - 770 1001 013 - 503 3349
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Mohamad Akmal Azhar	019 - 518 5145
Ong Jing Cheng	012 - 758 3779 016 - 445 5709
Ooi Yong Wooi	016 - 421 1196
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tengku Rasidah Tengku Kamarudin	019 - 473 1323
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Zaini Awang	019 - 546 3115
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161

**SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG**

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Yeap Choon Keong	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	013 - 449 0366
2.	Velan A/L Kalimuthu	Barat Daya		018 - 394 4537
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara		012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah		019 - 457 2271
5.	Vadi Velan A/L Subramaniam	Seberang Perai Selatan		011 - 1144 1816

**Nota:**

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS  
MBPP 2019**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrizal Tahir	019 - 541 4818
Aidi Akhbal Mohamed Zainon	012 - 464 3004
Azahari Aris	016 - 499 2580
Azli Ibrahim	011 - 2432 9007
Dr. Chee Heng Leng	017 - 333 9366
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gerald Mak Mun Keong	016 - 452 6499
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Hari Krishnan a/l Ramakrishnan	010 - 505 5571
Harvindar Singh a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Kaliyappan a/l P. Renganathan	012 - 407 7276
Latifah Hussainsa	013 - 436 1999
Nurliyana Mohd Ramzi	011 - 3922 4080
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Kean Peng	012 - 629 1133
Rohaizat Hamid	019 - 510 0075
Saiful Azwan Abd. Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Tan Seng Keat	012 - 438 6191
Theng Jie Wey	016 - 418 7108
Vino Dini a/p Chandragason Pitchy	016 - 439 9358
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121

**SIDANG REDAKSI  
BULETIN MUTIARA**
**Penulis:**

YAP LEE YING  
AINUL WARDAH SOHILLI  
ZAINULFAQAR YAACOB  
NORSHAHIDA YUSOFF  
WATAWA NATAF ZULKIFLI  
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**

LAW SUUN TING  
ALISSALA THIAN  
AHMAD ADIL MUHAMAD  
DARWINA MOHD. DAUD  
ALVIE CHENG CHIN WEI  
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS  
CHAN KOK KUAN  
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**

IDZHAM AHMAD  
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**  
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang  
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923  
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Layari

 [www.buletinmutiara.com](http://www.buletinmutiara.com)

 [buletinmutiara](#) | ChowKonYeow

 [chowkonyeow](#)

 [@chowkonyeow](#)

# Tempoh 24 bulan, Jeffrey komited kembalikan semula kepentingan SPPP

**MEMEGANG** prinsip dan filosofi *Low Hanging Fruits*, Jeffrey Chew Gim Eam yang baharu dilantik sebagai Pengurus Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) menerap kepercayaan sekiranya beliau mempunyai peluang, pasti akan terus dilakukannya tanpa teragak-agak.

Berdasarkan prinsip tersebut, Gim Eam yang dilantik bagi tempoh dua tahun bermula pada 27 Februari lalu hingga 26 Februari 2021 berharap beliau dapat mengembalikan semula kepentingan SPPP sebagai sebuah pelabuhan yang dapat menyediakan perkhidmatan terbaik dalam negara.

“Semua yang patut dilaksana akan dilaksanakan sebaik mungkin.

“Fokus utama kini ialah penaiktarafan dan pemulihan semula *Swettenham Pier Cruise Terminal* (SPCT). Jika dulu sebelum 9 Mei memang susah untuk laksanakannya ekoran sebidang tanah di sana adalah milikan Kerajaan Negeri.

“Tanah (Kerajaan Negeri) ini walaupun tidak besar tetapi lokasinya adalah amat strategik. Jika dulu Kerajaan Negeri ingin ambil semula tanah ini, mungkin SPCT tidak boleh digunakan lagi sebagai lokasi kapal persiaran berlabuh kerana kapal perlu melalui kawasan (tanah) tersebut sebelum berlabuh.

“Tetapi, selepas peristiwa 9 Mei, apabila Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan yang sama, Kerajaan Negeri telah pun menjualnya kepada Pusat... peranan saya selepas dilantik sebenarnya untuk menyelesaikan isu ini, tetapi kini ia telah selesai dan dalam proses pemindahan kepada Pusat...

“Selepas (pemindahan) ini selesai, pelabuhan SPCT akan dinaik taraf sepanjang 400 meter sekaligus membolehkan tambahan dua kapal pelayaran terbesar berlabuh,” ujarnya ketika sesi wawancara khas bersama-sama Buletin Mutiara, **NORSHAHIDA YUSOFF** dan Jurufoto, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** baru-baru ini.

Menurut Gim Eam atau lebih selesa dengan gelaran Jeffrey, penaiktarafan tersebut bakal memberi impak kepada pelancongan negeri kerana dianggarkan 12,000 penumpang dijangka datang ke Pulau Pinang.

“Walaupun pelabuhan SPCT ini hanya menghasilkan sekitar 20 peratus pendapatan kepada SPPP, tetapi kita perlu lihat skop yang lebih meluas iaitu jadikannya sebagai terminal pelayaran terulung dalam negara.

“Saya ingin melihat pelabuhan ini dan *Penang Port* menjadi sebuah pelabuhan yang menawarkan perkhidmatan terbaik dan atas dasar itulah, kita (SPPP) bekerjasama erat dengan Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB).

“Kebanyakan orang keliru di antara SPPP dan PPSB... SPPP dan PPSB dahulunya sebelum tahun 1994 adalah di bawah badan pengurusan sama, tapi selepas itu, PPSB telah diperbadankan, manakala SPPP masih di bawah Kerajaan Persekutuan.

“Tanpa perbadanan ini sebenarnya, kedua-duanya susah untuk berkembang, dan langkah yang diambil ini adalah demi memastikan kelestarian pertumbuhan,” jelasnya yang turut bersetuju bahawa cabaran perubahan yang ingin dilaksanakannya adalah besar.

## Mewujudkan Zon Bebas Cukai

Menurut Jeffrey yang berpengalaman lebih 25 tahun dalam bidang perniagaan dan korporat, selain pengembangan SPCT, beliau berpendapat bahawa untuk menyerlahkan lagi

fungsi pelabuhan berkenaan, zon bebas cukai adalah perlu diwujudkan.

Menurutnya, hasrat tersebut juga disuarakan Menteri Kewangan baru-baru ini.

“Apabila pelabuhan telah dibesarkan, semestinya ramai pengunjung ke sini, maka banyak perkara yang perlu dititikberatkan termasuk perubahan di terminal ketibaan.

“Menteri Kewangan ada menyatakan cadangan untuk mewujudkan zon komersial dan zon bebas cukai di terminal ketibaan tingkat 1.

“Pengunjung yang tiba boleh membeli-belah, mungkin dengan adanya zon komersial yang terdiri daripada zon bebas cukai, kedai serbaneka dan kedai penjualan produk tempatan akan memeriahkan kembali pelabuhan ini pada masa akan datang,” luah beliau.

Ditanya mengenai perkembangan terkini berhubung hasrat itu, Jeffrey memaklumkan bahawa pihaknya buat masa ini sedang menjalinkan kerjasama dengan PPSB dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

“Saya juga berkesempatan bertemu dan bertukar-tukar pendapat dengan beberapa operator zon bebas cukai di Langkawi ketika penganjuran *Langkawi International Maritime And Aerospace Exhibition* (LIMA) 2019 baru-baru ini... menurut mereka untuk mewujudkan zon bebas cukai tidak memerlukan ruang yang luas.

“Ini menaikkan lagi semangat saya untuk menjayakannya... kebiasaannya, kapal berlabuh dalam tempoh singkat dan paling lama pun tujuh jam, sudah semestinya pengunjung akan membeli sesuatu terutamanya produk-produk tempatan yang jarang ditemui mereka.

“Dan, penumpang kapal pelayaran ini bukanlah calang-calang orang kerana kebanyakannya adalah mereka yang telah bersara, dan kita perlu tahu bahawa mereka ini mempunyai kuasa membeli yang tinggi.

“Justeru, sekiranya terminal ini dibangunkan sebaik mungkin, tidak mustahil mereka akan kembali semula ke Pulau Pinang,” katanya lanjut.

## Cadangan pembangunan PPSB

Selain itu, Jeffrey menyatakan bahawa beliau mempunyai beberapa idea yang ingin dibentangkan kepada Kementerian Pengangkutan berhubung PPSB di Butterworth dan komited untuk menjalinkan kerjasama dengan agensi berkenaan ke arah menjayakan matlamat tersebut.

“Saya hanya ingin berikan cadangan, sama sekali tidak akan terlibat dengan operasi pelabuhan kontena tersebut.

“Di Pulau Pinang, kedua-dua pelabuhan iaitu PPSB dan SPCT adalah sama penting... di bahagian pulau, kita mempunyai SPCT, manakala di Butterworth mempunyai PPSB yang terdiri daripada terminal kontena, terminal kargo, *dangers and goods* serta kargo pukal.

“Perlu dipastikan semua entiti yang berbeza ini dinaik taraf. Konsepnya mudah sahaja, jika kita (Pulau Pinang) tidak dapat memenuhi kehendak pelanggan maka perniagaan akan gagal.

“Secara progresifnya, tidak perlu menunggu pengendalian untuk mencadangkan penambahbaikan ini, kita yang harus memulakannya, dan saya perlu memberikan saranan ini kepada pihak kementerian... mungkin ada daripada cadangan yang akan



JEFFREY Chew Gim Eam.

diutarakan ini tidak dipersetujui mereka, tetapi ia adalah sangat penting untuk kebaikan negeri dan juga negara,” maklum beliau.

Mengulas lanjut mengenai saranan tersebut, Jeffrey menjelaskan bahawa Pelabuhan Pulau Pinang merupakan salah satu pelabuhan terpenting kerana fungsinya yang menyediakan cabang perkhidmatan ke Pelabuhan Klang dan pelabuhan di Johor.

“Hampir 70 peratus daripada barang eksport ini berasal dan bergantung kepada negara Thailand.

“Seperti yang diketahui umum, Pulau Pinang adalah berasaskan industri teknologi tinggi, perkapalan tidak banyak digunakan untuk mengeksport barang, sebaliknya industri-industri ini menggunakan kargo udara ataupun melalui jalan darat.

“Kita perlu menambah baik pelabuhan kontena ini dan untuk berjaya, kita perlu lihat luar daripada konteks sebenar, yang mana perlu menampung perkhidmatan ke negara seperti Myanmar, Bangladesh dan India,” ujarnya sambil memberitahu bahawa (pelabuhan) Negeri berada pada titik paling strategik dan laluan perkapalan paling sibuk di kawasan Selat Utara.

## Status pelabuhan bebas

Menurut sejarah, Pulau Pinang merupakan sebuah pelabuhan bebas yang ditubuhkan pada tahun 1786 oleh *British East India Company* dan asalnya ia terletak di kawasan George Town.

Di bawah pemerintahan British ketika itu, pelabuhan tersebut memainkan peranan penting kepada ekonomi Negeri yang sebahagian besar perdagangannya bergantung kepada maritim.

Walau bagaimanapun, status pelabuhan bebas ini telah dibatalkan pada tahun 1969 oleh Kerajaan Persekutuan ketika itu dan kemudiannya ia dipindahkan ke lokasi kini di Butterworth pada tahun 1974 bagi memudahkan pengendalian kontena yang lebih besar.

Diajukan mengenai kepentingan status pelabuhan bebas berkaitan, Jeffrey dalam responsnya memberitahu bahawa secara peribadi beliau merasakan pembatalan

status tersebut adalah bertepatan, jika tidak Negeri tidak akan beralih ke industri lain.

“Jika tidak hingga kini, kita (Pulau Pinang) tidak mempunyai kilang-kilang ternama seperti Intel, HP dan lain-lain.

“Tetapi kini, pasaran telah banyak berubah, pelanggan ingin menghantar produk dari satu negara ke negara lain tanpa cukai, dan inilah fungsi sebuah pelabuhan bebas.

“Kebanyakan negara di rantau ini telah berkembang, mungkin status pelabuhan bebas adalah salah satu perkara yang perlu diteliti semula memandangkan teknologi untuk menguruskan produk semakin canggih kini seperti adanya RFID dan IoT berbanding dahulu semuanya dilaksanakan melalui kaedah konvensional dan manual,” luah beliau.

## Harapan masa depan

Jeffrey yang tidak kekok berkongsi idea-idea beliau menyatakan bahawa tempoh 24 bulan (dua tahun) yang diberikan kepada beliau pasti akan digunakan sebaik-baiknya untuk membuat perubahan sesuatu.

“Walaupun mungkin tidak sempat ditransformasikan rancangan dan hasrat ini menjadi kenyataan kerana ia bukan mudah, sekurang-kurangnya apabila orang lain menggantikan tempat (jawatan) ini kelak, beliau telah mempunyai hala tuju untuk dilaksanakan.

“Jika tidak lakukan perubahan sekarang, ia akan berakhir dengan cara yang sama seperti 10 tahun lalu.

“Jadi, saya akan bekerja keras untuk membantu negeri dalam membawa masuk lebih banyak pelancong di kawasan ini,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau turut menzhirkan harapan agar rancangan-rancangan tersebut dalam tempoh 20 tahun akan datang dapat memberi nilai tambah kepada kawasan berkenaan.

“Seperti visi *Penang2030* yang digagaskan Ketua Menteri, saya berharap dapat memberi lebih banyak nilai kepada sektor pelancongan dan membuka peluang untuk industri baharu ditempatkan di sini,” katanya mengakhiri bicara.

## Soal Rakyat TV3:

# Lapangan terbang Kulim perlu kajian kebolehlaksanaan; PSR, komitmen Kerajaan Negeri patuhi undang-undang & dasar-dasar ditetapkan

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

**CADANGAN** Kerajaan Pusat membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim dan cabaran di sebalik hasrat Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang untuk melaksanakan Projek Tambakan Laut Selatan Pulau (PSR) antara isu yang dibangkitkan kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam rancangan Soal Rakyat terbitan TV3 baru-baru ini.

Katanya, tujuan PSR adalah untuk membiayai kira-kira RM47 bilion kos pembinaan dan kos operasi Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP), demi menangani cabaran trafik sesak sehingga tahun 2050 kelak.

Ikuti antara inti bual bicara Ketua Menteri bersama-sama hos, Ally Iskandar Mohd. Mardzi dan Siti Hasfizza Aswaty Sabjahan pada 3 April 2019.

**Hos:** Antara cabaran adalah permintaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperbesar lapangan terbang antarabangsa di negeri Pulau Pinang. Mungkin YAB Ketua Menteri nak berkongsi juga pendapat mengenai hasrat Kerajaan Pusat untuk membina lapangan terbang di Kulim, Kedah.

**Ketua Menteri:** Apabila cadangan ini ditimbulkan, telah wujud pelbagai reaksi pihak Kerajaan Negeri dan komuniti peniaga serta orang awam di Pulau Pinang.

Sekarang pun, kapasiti penumpang dalam setahun sudah melebihi had sebab kapasiti ketika ini adalah 6.5 juta penumpang sahaja. Tapi pada tahun lepas (2018), kita sudah capai 7.8 juta penumpang setahun.

Maksudnya, ada keperluan yang segera untuk menambah kemudahan terminal di Bayan Lepas. Itu, memang kita fokus.

Tiba-tiba ada cadangan lain, yang sememangnya adalah hak setiap negeri untuk menikmati pembangunan.

Tapi, isu ini perlu dilihat daripada sudut yang holistik sebab Pulau Pinang sekian lama memainkan peranan sebagai hab logistik bagi Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. Walaupun kapasitinya telah tercapai, perlu diperluaskan.

Sekiranya diperluaskan, masih berdaya saing untuk berfungsi, ini ‘tertangguh’ lah. Sekiranya projek pembesaran lapangan terbang di Bayan Lepas boleh menampung 20 juta penumpang setahun, memang ia boleh bertahan dalam 20 tahun lagi.

Soal cadangan kemajuan Lapangan Terbang Antarabangsa di Kulim memang diperlukan



**KETUA MENTERI** ketika di set rakaman rancangan ‘Soal Rakyat’ bersama-sama Ally Iskandar Mohd. Mardzi dan Siti Hasfizza Aswaty Sabjahan di Sri Pentas baru-baru ini.

ketika ini atau pada masa hadapan, itu kita minta suatu kajian kebolehlaksanaan dilakukan supaya kita boleh dapat jawapan yang meyakinkan bahawa projek itu memang diperlukan ketika ini.

Jadi, fokus kita bahawa

Kerajaan Persekutuan perlu

segerakan projek di Bayan Lepas. Projek ini pun akan ambil dua tiga tahun, maka kapasiti penumpang pun mungkin mencapai 8.5 juta penumpang.

Jadi, kalau dengan kemudahan sedia ada, sememangnya bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Saudara Lim Guan Eng menyifatkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sebagai ‘pasar malam’.

Sebab, memang dalam masa-masa tertentu, memang sesak dengan penumpang.

**Hos:** Pulau Pinang kata lapangan terbang sedia ada lebih perlu segera diperbesarkan, sementara Kedah juga kata lapangan terbang di Kulim juga diperlukan. Bagaimanakah YAB Ketua Menteri melihat isu ini patut diuruskan?

**Ketua Menteri:** Senario yang

baru ini membuka ruang untuk kolaborasi dalam banyak isu. Misalnya, isu air pun kita perlu uruskan. Bukan sahaja dengan Kerajaan Negeri Kedah, dengan Kerajaan Negeri Perak pun kita kena uruskan.

Logistik yang kita ada, lebihan di Pulau Pinang juga dapat menyokong keperluan logistik negeri Kedah dan utara Perak.

Kita ada suatu platform yang bagus iaitu Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) yang mana cadangan pemajuan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim itu pun dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis NCIA.

Maka, NCIA boleh memainkan peranan untuk koordinasi projek-projek di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia.

Kita perlu melihat secara holistik, sama ada perkara ini iaitu mana-mana projek Persekutuan ini perlu dilakukan di Pulau Pinang atau di Kedah atau di Perlis sebab NCIA ditubuhkan supaya suatu kerjasama yang harmonis dapat diwujudkan.

Tapi 10 tahun dahulu, kesempatan untuk duduk bermesyuarat dalam NCIA ini

agak terhad atas sebab keadaan politik.

**Hos:** PSR untuk membiayai PTMP bukan sahaja mendapat bantahan nelayan, malah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga. Jadi bagaimana Kerajaan Negeri melihat keadaan ini agar boleh wujud “keadaan menang-menang”?

**Ketua Menteri:** Sebarang projek besar ataupun projek kecil, sememangnya ada impak ekologi pada alam sekitar, termasuk impak sosial.

Kita memang biasa dengan keadaan sedemikian. Banyak NGO pun mula dari Pulau Pinang. Maka, negeri Pulau Pinang dan rakyatnya memang biasa dengan kempen-kempen menegaskan dalam satu-satu isu.

Dalam Projek Tambakan Selatan Pulau (PSR), sememangnya menimbulkan kerisauan para nelayan tentang impak tempat mereka menangkap ikan.

Komitmen Kerajaan Negeri dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) semasa itu,

menegaskan banyak kali bahawa kita tidak boleh dan tidak akan memulakan apa-apa kerja.

Kalau tidak ada kelulusan, kita hanya menunggu sahaja sehingga mendapat kelulusan. Projek mendapatkan kelulusan ini, kita mematuhi segala keperluan undang-undang serta dasar-dasar yang ditetapkan oleh agensi Persekutuan.

Misalnya, Kajian Impak Alam Sekitar, memang banyak kajian perlu ditunaikan, sehingga kita merasakan mengapa begitu banyak syarat yang begitu ketat ke atas kita, sedangkan bagi projek tambak laut lain boleh dilaksanakan begitu sahaja sebelum ini.

Kita akan melihat bagaimana menangani impak ini melalui pelan mitigasi. Tidak dapat dinafikan tiap-tiap projek memang ada impak, tetapi bagi kita dan konsultan kita, bagaimana mencari pelan mitigasi bagi meyakinkan agensi Persekutuan yang memberikan kelulusan. Yang penting, bagaimana meyakinkan pihak nelayan yang merasai pendapatan mereka terjejas oleh projek PSR ini.

# Jaga kebersihan, bantu jayakan kempen Melawat Malaysia 2020 – Timbalan Menteri

Oleh : SITI HUMAIRA MOHAMED

**YASIN**

Gambar : IDZHAM AHMAD

**PULAU BETONG** – Pada tahun lepas, Malaysia telah menerima kunjungan seramai 25.8 juta pelancong asing dengan jumlah pendapatan pelancongan sebanyak RM84.1 bilion.

Menjelang tahun 2020, Kementerian telah menetapkan sasaran kedatangan pelancongan seramai 30 juta orang dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM100 bilion.

Justeru, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik berkata, penduduk Balik Pulau hendaklah turut bersama-sama menyahut dan mendukung hasrat Kementerian sepanjang kempen Melawat Malaysia 2020.

“Sebagai anak jati Pulau Pinang, saya sedar bahawa terdapat banyak potensi pelancongan di sini seperti Pantai Pasir Panjang, Program Pengalaman Homestay Malaysia, Saanen Dairy Goat Farm, Street Arts oleh Julia Volchkova dan sebagainya untuk diketengahkan kepada para pelancong.

“Namun, keindahan kawasan sekitar Balik Pulau akan musnah sekiranya penduduk tidak menjaga kebersihan dan membuang sampah di merata-rata tempat.

“Keadaan ini lama-kelamaan akan menyebabkan jumlah kedatangan pelancong asing ke Balik Pulau menjadi semakin



**MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik** (barisan pertama, tiga dari kiri) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para jemputan khas menyempurnakan gimik pelancaran Program Voluntourism Malaysia, Bersih dan Indah di Dataran Pancing Jeti Nelayan Pulau Betong sini baru-baru ini.

berkurangan kerana disajikan dengan longgokan sampah sarap.

“Justeru, penduduk Balik Pulau hendaklah mengambil contoh sikap penduduk Bandar Muar, Johor yang telah dipilih untuk menerima Anugerah ASEAN Clean Tourist City Standard Award pada tahun 2017,” ucapnya semasa merasmikan Program Voluntourism Malaysia, Bersih dan Indah di Dataran Pancing Jeti Nelayan Pulau Betong

di sini 6 April lalu.

Hadir sama, selebriti terkenal tanah air, Maya Karin, Duta *River of Life*; wakil Majlis Bandaraya Pulau Pinang; wakil Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Balik Pulau; sukarelawan dari Politeknik Balik Pulau; Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Sungai Ara; Persatuan Nelayan Pulau Betong dan ahli-ahli pertubuhan *Trash Hero*.

Mengulas lanjut, Muhammad Bakhtiar

menyatakan keyakinan bahawa Balik Pulau mampu menerima pengiktirafan yang sama sekiranya semua pihak melaksanakan tanggungjawab menjaga kebersihan alam sekitar.

Difahamkan, beberapa aktiviti turut disusun bagi menjayakan Program Voluntourism Malaysia, Bersih dan Indah seperti membersihkan kawasan sekitar termasuk sungai, menanam pokok, pengauditan sampah serta membina *Ecobricks*.

Menariknya mengenai program tersebut adalah segala sampah sarap yang dikutip oleh para sukarelawan akan dikumpulkan di satu kawasan dan diaudit untuk melihat kecenderungan jenis sampah yang dibuang dekat kawasan terbabit.

Wakil *Trash Hero* turut menerangkan cara pembinaan *Ecobricks* daripada sampah sarap seperti plastik dan botol air.

*Ecobrick* ialah satu kaedah lestari untuk mengitar semula plastik kerana sifat plastik yang *non-biodegradable* dan tahan lasak akan mengambil masa beratus tahun untuk mereput secara semula jadi.

Justeru, pembinaan *Ecobricks* secara tidak langsung menghalang plastik daripada mencemari ekosistem alam melalui kaedah kitar semula yang kreatif.

Kaedah berkaitan juga boleh digunakan untuk membina perabot, dinding, *modular structure*, bangunan dan sebagainya.

## Perluas Kempen Kediaman Selamat ke semua daerah, cadang Exco

**BAYAN LEPAS** – Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperluaskan program Karnival Kediaman Selamat ke semua daerah bagi memberi kesedaran kepada umum khususnya ibu bapa tentang keselamatan barang dalam rumah termasuk produk mengandungi bahan kimia.

Menurut Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain, program tersebut memberi signifikan yang amat baik.

“Statistik pada tahun 2005 hingga 2016 menunjukkan bahawa sebanyak 49 peratus iaitu 50,000 kes kecelakaan melibatkan

kanak-kanak berumur satu hingga sembilan tahun dilaporkan akibat kurang berhati-hati terhadap produk bahan kimia yang terdapat di dalam rumah.

“Daripada laporan-laporan berkaitan, terdapat kanak-kanak yang meninggal dunia akibat eksoran terdedah kepada bahan kimia seperti peluntur, botol-botol minuman diisi dengan pewarna, ubat nyamuk serta pemetic api yang tidak disimpan di tempat yang sepatutnya,” ucapnya pada majlis perasmian program berkaitan di sini 7 April lalu.

Hadir sama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Dr. Musa Ali (Pendaftar Universiti Sains Malaysia, USM), Prof. Datuk Dr. Mohamed Isa Abd. Majid (wakil Pusat Racun Negara) dan Sekretariat Kempen Kediaman Selamat

Mengulas lanjut, Abdul Halim menegaskan bahawa adalah penting bagi ibu bapa untuk berkongsi maklumat mengenai pentingnya kediaman yang selamat.

Dalam pada itu, Saifuddin Nasution turut bersetuju bahawa kes keracunan biasanya berpunca dari rumah dan bukan kilang mahupun ladang.

“Justeru, saya menyeru kepada semua lapisan masyarakat untuk menyemarakkan lagi kesedaran terhadap isu ini supaya kita semua lebih berhati-hati sekaligus mengurangkan kes keracunan di rumah,” serunya.



**SAIFUDDIN Nasution Ismail** (tiga dari kiri), Abdul Halim Hussain (dua dari kiri) dan barisan jemputan menyempurnakan gimik majlis perasmian program Karnival Kediaman Selamat di sini baru-baru ini.

## Klinik Wakaf An-Nur untuk golongan terpilih dibuka

**SEBERANG JAYA** – Golongan kurang berkemampuan kini boleh mendapatkan rawatan di Klinik Wakaf An-Nur dekat Masjid Seberang Jaya dengan membayar serendah RM5 untuk satu sesi rawatan.

Mengulas lanjut, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman merakamkan penghargaan kepada Hospital Pakar KPJ dan Perbadanan Wakaf Johor yang saling bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam menubuhkan klinik berkonsepkan wakaf tersebut.

“Ini, merupakan manifestasi konsep Islam Rahmat Ke Seluruh Alam yang digagaskan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sekarang.

“Ini, adalah suatu usaha yang sangat murni, klinik ini bertujuan menyalurkan perkhidmatan perubatan kepada pesakit kurang berkemampuan, tanpa mengira bangsa dan agama pada harga paling minimum iaitu RM5 seperti dimaklumkan oleh Dr. Afif.

“Walaupun di Malaysia terdapat hospital yang diuruskan kerajaan dan sektor swasta, institusi wakaf dilihat turut mampu menyediakan perkhidmatan kesihatan dengan kos yang murah kepada masyarakat,” jelasnya ketika merasmikan pembukaan klinik tersebut di sini pada 11 April 2019.

Turut berucap, Exco Pertanian & Industri



**IR. AHMAD ZAKIYUDDIN ABDUL RAHMAN** (berbatik hijau) bersama-sama barisan Kerajaan Negeri menyempurnakan Majlis Perasmian Klinik Wakaf An-Nur di sini baru-baru ini.

Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin.

Difahamkan, Klinik Wakaf An-Nur ditubuhkan pada 1998 di Plaza Kotaraya, Johor Bharu dan kini mempunyai 25 cawangan di seluruh negara.

Klinik Wakaf An-Nur di sini dibuka pada hari Isnin hingga Jumaat, jam 8.30 pagi hingga 5 petang dengan tenaga doktor, jururawat dan ubat-ubatan disediakan oleh pihak KPJ Pulau Pinang.

Dalam tempoh operasi sejak Januari 2018 hingga Februari tahun ini, direkodkan klinik berkenaan menerima 271 pesakit iaitu 233 Melayu, India (13), Cina (11) dan bangsa-bangsa lain (14) yang diklasifikasikan sebagai golongan yang tidak berkemampuan.



## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 11143 NURUL HAFIZ BIN CHE HUSSIN - 88112835**** NO.358 LORONG DATO, KAMPUNG MANJOI, 30020 IPOH, PERAK	No Akaun Peminjam	: 11144 SITI NURATIQAH BT KHAMARUDIN - 89052707**** NO. 375 BAGAN AJAM, JALAN TAMAN EMAS, 13000 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 11145 SHAH REZZAT BIN AHMAD - 85010514**** NO. 4 JALAN MAJU, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM, 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11148 SITI ZAINONI BINTI MOHD ZAINOL ABIDIN - 87010135**** 58 BLOCK J MUKIM 12, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG
Penjamin 1	: NOOR ELEYZAA BINTI CHE HUSSIN - 81021708**** LOT 358 LORONG DATO, KAMPUNG MANJOI, 30020 IPOH, PERAK	Penjamin 1	: KHAMARUDIN BIN HASHIM - 44112507**** NO. 375 BAGAN AJAM, 13000 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: AHMAD BIN ABD HADI - 54010702**** NO. 4 JALAN MAJU, TAMAN HJ ABDULLAH FAHIM, 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: NOOR AZMAN BIN MD ALI - 78101708**** 58 BLOK J MUKIM 12, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG
Penjamin 2	: CHE HUSSIN BIN ARIPIN - RF64**** LOT 358 LORONG DATO, KAMPUNG MANJOI, 30020 IPOH, PERAK	Penjamin 2	: SITI HAJAR BINTI KHAMARUDIN - 84042007**** NO. 375 BAGAN AJAM, 13000 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: SHAH FAIZAL BIN AHMAD - 83121114**** NO. 4 JALAN MAJU, TAMAN HJ ABDULLAH FAHIM, 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: FAIZAH BINTI MOHD KHIR - 65120202**** 958 MUKIM 6, PONDOK UPEH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11149 MOHD RAISUL MUHADDISIN BIN HAMAD - 81041207**** NO. 598 PAYA KELADI HUJUNG 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11150 GAVI ARESI A/P SUGUMARAN - 83070807**** NO. 6 LORONG SUTERA PRIMA 3, TAMAN SUTERA PRIMA, 13700 SEBERANG JAYA SUGUMARAN A/L KAMARAN NAIR - 59040802****	No Akaun Peminjam	: 11151 ZAIRUL IDZWAN BIN ZAINAL ABIDIN - 85040207**** NO. 80 JALAN MURNI 20, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA, 13800 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 11152 NOOR BAKHTIAR BIN AHMAD - 82021007**** NO. 141 JALAN EMPAT, TELUK BAHANG 11050 PULAU PINANG
Penjamin 1	: ABD SYAFIQ BIN SALLEH - 82112707**** 2740 JALAN SERAMPANG 4, TAMAN RIA JAYA, SUNGAI PETANI, 08000 KEDAH	Penjamin 2	: SELVANATHAN A/L MARIAPPEN - 74061107**** NO.1 CANGKAT GAMBIR 1, DESA MUTIARA 2, GELUGOR, 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ZAINAL ABIDIN BIN AZIZ - 51062608**** NO. 80 LORONG MURNI 20, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA, 13800 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: NOOR AZIDAH BINTI AHMAD - 75040107**** NO. 141 LORONG NELAYAN 4, 11050 TELUK BAHANG, PULAU PINANG
Penjamin 2	: RIDZUAN BIN HAMAD - 55011607**** NO.12 JALAN 4/7D, 43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR			Penjamin 2	: KHOZANAH BINTI IBRAHIM - 69101710**** 24 LORONG BENTARA 14, TAMAN BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU		: NOORHANA BINTI AHMAD - 72012807**** 7A-5-10 PALM COURT, SERI TANJUNG PINANG, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11154 MUHAMMAD HAFIZ BIN ABU BAKAR - 84020914**** NO. 801 LAHAR YOOI, 13300 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam	: 11170 HARDEV SINGH A/L HARPAL SINGH - 82090408**** 56 JALAN SENTOSA 65/KU1, KLANG 41050 SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 11189 MOHAMMAD SYUKRI BIN BADARUDDIN - 89031107**** NO. 26 JALAN NIPAH, TAMAN HJ MOHD AMIN, 13500 PERMATANG PAUH BADARUDDIN BIN MD HASSAN - 55040108**** NO. 26 JALAN NIPAH, TAMAN HJ MOHD AMIN, 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 11191 ONG PENG KUN - 88101807**** 63B-17-16 SYMPHONY PARK, JALAN LENGGONG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1	: MUHAMMAD HUSAIRI BIN ABU BAKAR - 76031607**** NO. 801 LAHAR YOOI, 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 1	: HARPAL SINGH A/L RATTAN SINGH - (MENINGGAL DUNIA) 3T LORONG DELIMA 13, ISLAND GLADES, 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ZAHIRUDDIN BIN BADARUDDIN - 83052907**** 11A TINGKAT PASIR BELANDA 4, TAMAN CAHAYA, TELUK KUMBAR, 11960 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ONG CHIN HOCK - 54021407**** 63B-17-16 SYMPHONY PARK, JALAN LENGGONG, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2	: MOHAMMAD NAJIT BIN ZAKARIAH - 84032207**** 5525 KAMPUNG CHEGAR, PADANG MENORA, 13310 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 2	: BULAWAN KAUR A/P GEJA SINGH - 54062008**** 3T LORONG DELIMA 13, ISLAND GLADES, 11700 PULAU PINANG				: LIM POH CHOON - 77090507**** 244 E-2-2 TAMAN CEMERLANG, JALAN JELUTONG, 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11194 INTAN NUR FARRAH BT RAHMAT - 87103035**** MBT 437 KR LOT 6052A, PARIT PENYEGAT, PARIT JAWA 83610 MUAR, JOHOR	No Akaun Peminjam	: 11199 NOR AKMA BINTI MOHD RAWI - 88062007**** DI HADAPAN 273 MK B, SUNGAI RUSA 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11201 NOOR ISMAIL B. MOHD YUNUS@ZAKARIA - 85091907**** 16, JALAN SUASA 2, TAMAN SUASA 09000 KULIM, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 11203 NABILA TASYA BINTI YAHYA - 89081607**** NO. 50 SOLOK KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH, 13600 PERAI
Penjamin 1	: FARIDAH BINTI MD SAID - 56021301**** MBP 437 KR LOT 6052A, PARIT PENYEGAT, PARIT JAWA, 83610 MUAR, JOHOR	Penjamin 1	: NOOR RAZILA BINTI MOHD RAWI - 84030307**** DI HADAPAN 273 MK B, SUNGAI RUSA, BALIK PULAU, 11010 PULAU PINANG	Penjamin 1	: NOORASHIKIM BINTI NOORDIN - 75122407**** 20 LORONG BENTARA 22, TAMAN BERTAM PERDANA, 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: NUR MUHARNI BINTI MOHAMED - 81102805**** 10-13-12 FLAT PINANG EMAS, JALAN SUNGAI SATU, BATU FERRINGHI, 11100 PULAU PINANG
Penjamin 2	: MUSALMAH BINTI MOHD SAID - 65010601**** NO. 53 JALAN LANGSAT, TAMAN SULIR, PEKAN JABI, 85000 SEGAMAT, JOHOR	Penjamin 2	: NOOR PAZIRA WIZUANA BINTI MOHD RAWI - 82102307**** DI HADAPAN 273 MK B, SUNGAI RUSA, BALIK PULAU, 11010 PULAU PINANG	Penjamin 2	: NUR HAIFIZAH BINTI HARON - 81060507**** NO. 94 TAMAN PELANGI, MR BELIMBING KANAN, 06300 KUALA NERANG, KEDAH		: FATMAZURYANTI BINTI KHAIRULDIN - 83040713**** 50 SOLOK KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH, 13600 PERAI
No Akaun Peminjam	: 11204 NOR ASLINA BT ISMAIL - 82022608**** KIRI 858 MUKIM 11, KAMPUNG BUKIT, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11206 KOSSHILANNA A/P MACHEREGAN - 85102207**** 47 JALAN SUNGAI BAKAP PERMAI, TAMAN SUNGAI BAKAP PERMAI, 14200 SUNGAI JAWI, SPS	No Akaun Peminjam	: 11209 LAU KAI XIANG - 89051307**** 1-C JALAN GOTTLIEB, GEORGETOWN 10350 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11210 KOO HUAI HONG - 87031935**** A 142 LORONG MUTIARA 2/1, TAMAN MUTIARA INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1	: MARZUKHIE BIN ZULKIPLE - 79031907**** KIRI 858 MUKIM 11, KAMPUNG BUKIT, BAYAN LEPAS, 11900 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MACHEREGAN A/L RENGASAMY - 51052307**** 47 JALAN SUNGAI BAKAP PERMAI, TAMAN SUNGAI BAKAP PERMAI, 14200 SUNGAI JAWI, SPS	Penjamin 1	: LAU MENG - 49120807**** NO.1-C JALAN GOTTLIEB, 10350 PULAU PINANG	Penjamin 1	: KOO SOON HOCK - 57120907**** A 142 LORONG MUTIARA 2/1, TAMAN MUTIARA INDAH, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2	: NORASSIMA BINTI ISMAIL - 83093008**** 697 MK 11, KAMPUNG BUKIT, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: JAYANTHARAAN A/L MACHEREGAN - 81120107**** 47 JALAN SUNGAI BAKAP PERMAI, TAMAN SUNGAI BAKAP PERMAI, 14200 SUNGAI JAWI, SPS	Penjamin 2	: LIM CHAI HON - 79050607**** BLOK A-2-5 TAMAN SRI SETIA, VALE OF TEMPE, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG	Penjamin 2	: KHAW SOON HAK - 73031907**** NO. 5 LORONG SELAYANG PERMAI 11, TAMAN SELAYANG PERMAI, 13020 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 11212 PARAMASWARI A/P RAJAGOPAL - 86025535**** 86-07-16 DESA INDAH, PESIARAN PAYA TERUBONG 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11213 SHAREENA BT JASNI - 82122007**** NO. 12A JALAN PERMATA BARU 1, TAMAN PERMATA BARU 14000 BUKIT MERTAJAM ROZLAN BIN ABDUL RAHMAN - 74051907**** NO.1189 JALAN BUTTERWORTH, 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11214 NUR HIDAYAH BINTI ABDUL AZIZ - 87070535**** 4051 LAHAR YOOI, 13300 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam	: 11216 OOI SEN YONG - 89031607**** 63A-16-6 JALAN LENGGONG, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1	: PARVATHY A/P KARUPPAYA - 69081602**** VILLA KEJORA, BLOK 1-13A-3A HILIR PAYA TERUBONG, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: NURUL AZWA BINTI SAIMAN - 80080702**** NO. 314 JALAN MEWAH 7, TAMAN MEWAH, LUNAS, 09600 KEDAH	Penjamin 1	: AZLINA BINTI ABDUL AZIZ - 82012207**** SB 627 UNIT 3 PADANG BENGGALI, TELUK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: OOI LYE AUN - 64040407**** 63A-16-6 JALAN LENGGONG, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2	: RAJAGOPAL A/L KARUPPAYA - 55032702**** 86-7-16 PERSIARAN PAYA TERUBONG 2, TAMAN INDAH RELAU, 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG			Penjamin 2	: NURHAYATI BINTI ABDUL AZIZ - 77052807**** 4514 MUKIM 8, POKOK SENA 13200 KEPALA BATAS, SPU		: OOI SOO YONG - 85020607**** 63A-16-6 JALAN LENGGONG, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11220 LIM CHENG MEI - 91062607**** 14-E PINTASAN CECIL 1, GEORGETOWN 10300 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11223 MOHD ZAIDI BIN YAACOP - 82060407**** NO. 1128 PERSIARAN UTAMA 3/2, TAMAN KULIM UTAMA FASA 2, 09000 KULIM, KEDAH NOORHARIZAH AZFAR BINTI ALI BAHRUN - 83072812****	No Akaun Peminjam	: 11225 JEMILAH BINTI IBRAHIM - 76020607**** PEJABAT DAERAH DAN TANAH, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN 14200 SUNGAI JAWI, SPS	No Akaun Peminjam	: 11229 ISMAIL BIN MAHAMAD HAKIMI - 83012101**** 41, JALAN PERTIANI 45, TAMAN UNIVERSITI, 81300 SKUDAL, JOHOR
Penjamin 1	: GOH JIN HUAT - 80111107**** BLOK 330-17-8 TAMAN GAMBIR, JALAN BUKIT GAMBIR, GELUGOR 11700	Penjamin 1	: ELIAS BIN HASHIM - 72120607**** 434 JALAN MAHSURI 4/A, TAMAN MAHSURI FASA 3C, 09400 PADANG SERAI, KEDAH	Penjamin 1	: AHMAD FAIRUZ BIN JAMALLUDIN - 81081802**** NO. 94 TAMAN INTAN, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 2	: MAHAMAD HAKIMI BIN IBRAHIM - 57081209**** 14 LORONG 1, TAMAN RUPAWAN 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2	: LIM CHENG IM - 83082307**** BLOK 330-17-8 TAMAN GAMBIR, JALAN BUKIT GAMBIR, GELUGOR 11700	Penjamin 2	: MOHD RIDZA BIN MOHD NOR - 82042814**** NO. 150 LORONG NILAM 8/3, TAMAN ARKED, SUNGAI PETANI, 08000 KEDAH	Penjamin 2	: NORIZAN BINTI ESA - 59030101**** 14 LORONG 1, TAMAN RUPAWAN, 13200 KEPALA BATAS, SPU		
No Akaun Peminjam	: 11230 KHAIRUN NISAK BINTI SAAD - 87080435**** 4043 PERMATANG KERAI BESAR 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11232 TAMILALAGAN A/L SUPRAMANIAM - 87031207**** 2-02 PANTAI APARTMENT, JALAN WISMA PANTAI 1, KAMPUNG GAJAH 12200 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 11236 YUSMIM BINTI OMAR - 86110135**** TS 8901 GELUNG BUBU, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 11238 NURUL SAHADA BINTI MOHAMAD NOR - 86010307**** NO. 26 JALAN BUNGA KEKWA 2/2, SEKSYEN 2, SHAH ALAM 40000 SELANGOR
Penjamin 1	: IDRIS BIN KADIR - 67070107**** NO. 3955 GUAR KEPAYANG, 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: MEHGALA A/P A/MURUGAIA - 7111108**** 6 JALAN BAGAN 45, TAMAN BAGAN 13400 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: JULIA BINTI OMAR - 77020307**** IBU PEJABAT POLIS DAERAH YAN, 06900 YAN, KEDAH	Penjamin 1	: KHAIRUN BIN MOHAMAD NOR - 76021108**** 187 KM 4 PERSIARAN HAMZAH ALANG, MERU, KAPAR 42200 SELANGOR
Penjamin 2	: SAAD BIN AHMAD - 57042707**** NO. 4043 PERMATANG KERAI BESAR, 13200 KEPALA BATAS, SPU						




## PERTANDINGAN MELUKIS POSTER BERTEMAKAN:

PENANG  
2030

**"Penang2030: Negeri Pintar, Hijau  
Dan Berteraskan Keluarga Yang  
Menginspirasikan Negara"**

HADIAH  
UTAMA  
RM500



1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 24 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan 'PENANG2030: NEGERI PINTAR, HIJAU DAN BERTERASKAN KELUARGA YANG MENGINSPIRASIKAN NEGARA' dengan logo 'Penang2030'.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah milik penganjur.
10. Tarikh tutup penyertaan, 31 Mei 2019.

Sila isi butiran berikut:

Nama : .....  
 No.Kad Pengenalan : .....  
 Alamat : .....  
 No. Telefon : (Rumah) ..... (Bimbit) .....  
 Emel: .....

Pastikan semua butiran diisi dengan langkap.



## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 11252 : ASRIN BIN ALIAS - 89070707**** NO. 67JALAN MAJU, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11254 : AHMAD KHAIRI ASWAD BIN ISHAK - 86080635**** 5462 KAMPUNG NYIOR SEBATANG 13300 TASIK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam	: 11260 : NAZIRAH BINTI MAHMUD - 86052335**** NO. 2 LORONG SELESA 1, KAMPUNG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam	: 11264 : ANUAR SHAH BIN ARIPPIN - 83050707**** BLOK 9-6-5 , JALAN TENGAH 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 1	: AZLINA BINTI ALIAS - 80041407**** NO.2886 PERMATANG SINTOK 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: ISHAK BIN SAAN T - RF69*** IBU PEJABAT POLIS DAERAH , KUALA MUDA, SUNGAI PETANI, 08000 KEDAH	Penjamin 1	: ROSLAN BIN CHE ROSE - 79102402**** 369 JALAN KENANGA 6/2, PERSARIAN AMANJAYA 7, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: ARIPPIN BIN MAT - 54071808**** BLOK 9-6-5 JALAN TENGAH, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 2	: AZIZAH BINTI AHMAD - 52070707**** 67 JALAN MAJU , TAMAN HJ ABDULLAH FAHIM, 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: SITI NORSHAHBANDI BINTI ABU BAKAR - 77071214**** B-14-04 BLOK B PANGSAPURI BUKIT BARU, JALAN KERAMAT HUJUNG, 54000 KUALA LUMPUR	Penjamin 2	: KHALIJAH BINTI ISHAK - 73060207**** 5 TINGKAT SELESA 2, KAMPUNG SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 2	: ROHAIYU BINTI RAMLI - 76082501**** 2A-5-17 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJAH REHMAH, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11265 : NUR NASIHAH BT AHMAD KAMAL - 89072507**** 210 PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH, SPU	No Akaun Peminjam	: 11273 : LING YEE KOON - 90011007**** 100-2-5 JALAN RAWANG 10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11280 : AIZAT MAZNI BINTI MD YUSOP - 89031307**** NO. 37 TAMAN SIAKAP, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 11283 : HARTINI A/P MUNIANDY - 86080535**** NO. 17-B LORONG PERMAI 2, TAMAN PERMAI, 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1	: AHMAD KAMAL BIN AHMAD - 62040707**** NO.210 PERMATANG PASIR, 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 1	: CH NG YEE CHENG - 77062508**** NO.38 TAVOY CLOSE, 10050 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: AZURA MASNI BINTI MD YUSOP - 75081607**** 186 JALAN KS 4, KULIM SQUARE, LUNAS, 09600 KEDAH	Penjamin 1	: GUNASEGARAN A/L BALAKRISHNAN - 63081308**** 23 LORONG SERI BISTARI 3 , TAMAN SERI BISTARI, 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2	: MARIAM BINTI AHMAD - 72012107**** 25 LORONG PAUH JAYA 3/3, TAMAN PAUH JAYA, 13700 PERAI	Penjamin 2	: LING YEE KANG - 83102207**** NO.100-2-5 JALAN RAWANG, 10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 2	: AIDA MASWANI BINTI MD YUSOP - 77021207**** 36 LORONG SUTERA 3, TAMAN SUTERA, 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 2	: REJAYARAM A/L MUNIANDY - 63062907**** 19 LORONG PANCHOR INDAH 21, TAMAN BUKIT PANCHOR, 14300 NIBONG TEBAL, SPS
No Akaun Peminjam	: 11287 : NOOR AQIDAH BINTI ABDUL SATAR - 85112707**** NO. 8 JALAN NURI 7/19A, SEKSYEN 7, KOTA DAMANSARA 47810 PETALING JAYA, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 11288 : MASYITAH BINTI MD.AZIZUDIN - 81121007**** PEJABAT RANCANGAN PERUMAHAN , TAMAN FREE SCHOOL, JALAN TERENGGANU 10460 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11292 : NURUS-SA ADAH BINTI ISMAIL - 87021349**** NO. 33 LORONG SUTERA PRIMA 2, TAMAN SUTERA PRIMA, 13700 SEBERANG JAYA	No Akaun Peminjam	: 11293 : NG SHOAK LENG - 89112707**** 39-2-2, TINGKAT PAYA TERUBONG 4, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1	: THOHARAH BINTI MUSA - 59112402**** P-3-2 PANGSAPURI TANJUNG TOKONG , FASA 4A, TANJUNG TOKONG, 10470 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MD TARMIZI BIN MD AZIZUDIN - 77061407**** 5-8-22 KRISTAL IDAMAN, LEBUH BUKIT KECIL 6, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: ISMAIL BIN ABDULLAH - 60070507**** 1998 KUARTERS, INSTITUT PERGURUAN TUANKU BAINUN, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: CHAN CHOONG FOO - 68072307**** 32-25-12 THE PULSE, LORONG KAKI BUKIT, TAMAN BUAH PALA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2	: HAZIRAH BINTI HARIS - 59101210**** 43 LORONG NELAYAN 1, TELUK BAHANG, BALIK PULAU, 11050 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MD AZIZUDIN BIN ZAINUL ABIDIN - 44120907**** BLOK 11-G-3 LEBUH MAHSURI, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: MANSOR BIN ABDULLAH - 73010507**** NO. 2166 PERMATANG MANGGIS, 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 2	: CHAN CHOY HOONG - 72051007**** 39-2-2 TINGKAT PAYA TERUBONG 4, 11060 AIR ITAM, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11295 : SHAMANI A/P GUNASEGAREN - 88012607**** BLOK 5-15-01 SRI IVORY, LENGGOK ANGSANA, BANDAR BARU AYER ITAM 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MAHESH A/P GUNASEGAREN - 86032335**** 348-4-1 SRI CAHAYA APARTMENT, JALAN AYER ITAM, AYER ITAM, 11060 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11296 : SITI AMINAH BINTI KHALIB - 82061008**** TS 5940 KAMPUNG BARU ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	
Penjamin 1		Penjamin 2	: SOORIAKUMAWA R/A/L MUTHUVELU - 53092707**** 5-7-01 SRI IVORY, LENGGOK ANGSANA, BANDAR BARU AYER ITAM, 11500 PULAU PINANG	Penjamin 2	: AZIZAH BINTI KHALIB - 84082807**** TS 5940 KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM		
Penjamin 2				Penjamin 2	: KHALIB BIN HASHIM - 51101107**** TS 5940 KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM		

# DoubleTree pahat nama Pulau Pinang di mata dunia

**TANJUNG BUNGA** - DoubleTree Resort By Hilton Penang (DoubleTree) menerima lebih 100,000 tetamu sejak ia dirasmikan pada tahun lepas sekaligus menjadikan rangkaian tersebut sebagai salah satu daya tarikan utama dalam industri perhotelan serta pelancongan di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memuji usaha dilaksanakan pihak pengurusan hotel berkenaan sehingga berjaya membantu meletakkan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama di peta dunia.

"Tahniah diucapkan kepada Cornerstone Partners Group dan DoubleTree Resort By Hilton Penang yang menyambut ulang tahun pertama penubuhan resort di sini.

"Kita berharap agar lebih banyak sambutan ulang tahun diadakan pada masa-masa akan datang," ucapnya pada majlis sambutan ulang tahun



CHOW Kon Yeow (empat dari kiri), Yeoh Soon Hin (lima dari kiri) bersama-sama barisan tetamu khas dan pihak berkaitan menyempurnakan gimik Majlis Sambutan Ulang Tahun Pertama DoubleTree di sini baru-baru ini.

pertama pembukaan resort berkenaan di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin dan

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang.

Selain itu, kata Kon Yeow, resort berkenaan juga telah berjaya

menyediakan peluang pekerjaan dan latihan kepada lebih 200 penduduk di negara ini sejak pembukaannya.

Dalam pada itu, Pengurus Besar Serantau Hilton Malaysia, Jamie

Mead berkata, para tetamu di resort berkenaan berpeluang menikmati pelbagai kemudahan termasuk kolam renang seluas 350 kaki persegi.

Difahamkan, DoubleTree Resort By Hilton Penang yang mula menerima tetamu sejak 1 Januari 2018 adalah resort DoubleTree By Hilton pertama di Malaysia serta menjadi hotel ke-50 di Asia Pasifik.

Pembukaan resort berkenaan juga adalah penambahan kepada empat hotel jenama DoubleTree By Hilton yang sebelum ini telah dibuka di beberapa destinasi utama seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Melaka.

DoubleTree Resort By Hilton Penang turut menyediakan 316 bilik yang pelbagai seperti Guest Room, Deluxe, Family dan Suite yang mempunyai permandangan berbeza bagi memenuhi keperluan setiap pengunjung.

## Pelaburan Aemulus bukti keyakinan perniagaan terhadap kerajaan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**  
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BAYAN LEPAS** - Aemulus Holdings Berhad (Aemulus) berhasrat untuk terus meningkatkan pengeluaran peralatan ujian automatik (ATE) melalui pelaburan berjumlah RM35 juta dalam tempoh lima tahun sehingga 2021.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ng Sang Beng berkata, sejajar dengan matlamat syarikat untuk terus meningkat serta menawarkan penyelesaian ujian yang inovatif, kemudahan baharu dikenali sebagai *Aemulus Base* bakal menampung pengembangan berterusannya dengan kemudahan pembangunan dan penyelidikan (R&D) terkini.

Menurutnya, selepas membeli sebidang tanah seluas 1.62 ekar di Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas dua tahun lalu, syarikat berkenaan berusaha mengembangkan R&D, manarik dan mengekalkan bakat berdasarkan lokasi strategik serta meningkatkan pengurusan rantai bekalan.

Langkah itu juga, tambah Sang Beng,

mbolehkan Aemulus dan anak syarikatnya membina pejabat korporat sendiri serta pusat reka bentuk industri di bawah satu bumbung.

"Kami adalah kohort kepada penginovasi teknologi dan pengembangan ini akan meningkatkan matlamat kami untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan dengan ekosistem ujian dan penyelesaian ujian ATE.

"Pembinaan pangkalan ini (*Aemulus Base*) dijangka siap dalam tempoh 12 bulan," ucapnya pada majlis pecah tanah bagi pembinaan *Aemulus Base* di sini pada 23 Mac lalu.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Turut hadir, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang serta Pengurusi Aemulus, Chok Kwee Bee.

Difahamkan, *Aumulus Base* bakal dibangunkan dengan konsep berbeza yang mana akan dilengkapi taman di bumbung, kafe, trek larian serta bilik mandi mewah.



Malah, lokasinya yang strategik iaitu berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) juga mbolehkan logistik diakses dengan mudah.

Aemulus juga bakal menyediakan banyak

peluang pekerjaan kepada tenaga buruh berkemahiran tinggi ekoran syarikat berkenaan merancang untuk meningkatkan bilangan pekerja kepada 500 kakitangan berbanding 140 orang kini.

Dalam pada itu, Guan Eng memberitahu bahawa keputusan Aemulus membuat pelaburan berjumlah RM35 juta berkaitan merupakan bukti keyakinan perniagaan terhadap kerajaan.

"Saya gembira melihat perkembangan Aemulus kerana ia adalah salah satu industri yang menyokong tumpuan kerajaan terhadap Industri 4.0.

"Inilah jenis pekerjaan berkemahiran tinggi yang kerajaan ingin wujudkan bagi memenuhi jangkaan tenaga kerja yang makin meningkat dari segi kemahiran," jelasnya.

**PERLUKAN MODAL TAMBAHAN?  
INGIN KEMBANGKAN PERNIAGAAN?**

**DAPATKAN PINJAMAN PERNIAGAAN SEGERAI!!!  
TANPA CAGARAN DAN PENJAMIN**

**MUDAH DAN TIDAK MEMBEANKAN  
TERBUKA KEPADA SEMUA KAUM**

**SKIM PINJAMAN HARAPAN  
NEGERI PULAU PINANG**

**PINJAMAN  
PERNIAGAAN DARI  
RM 1 000.00  
HINGGA  
RM 25 000.00**

**SYARAT KELAYAKAN**

- Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 60 tahun
- Pengundi di Pulau Pinang
- Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai tempat perniagaan
- Menjalankan perniagaan melebihi 6 bulan
- Mempunyai Lesen Perniagaan/Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)
- Nama tidak disenarai hitam (CTOS)

**HUBUNGI SEGERA:**  
**BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN, PDC**  
**Tel. 04-6340111 samb. 141/125/182/354/159/366**

# Negeri hijau perlukan komitmen semua rakyat

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**  
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PULAU TIKUS** – Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh menyatakan bahawa cita-cita untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau hanya akan tercapai sekiranya masyarakat di negeri ini sedia mengubah tabiat dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis sambutan *Earth Hour 2019* anjuran *World Wide Fun for Nature* (WWF) Malaysia di sini 30 Mac lalu.

“Kita (Kerajaan Negeri) bukan sahaja mahu menjadikan Pulau Pinang



PHEE Boon Poh (tiga dari kanan) mengadakan lawatan ke salah sebuah gerai bersempena penganjuran *Earth Hour 2019* di sini baru-baru ini.



POSE menarik membabitkan beberapa peserta yang mengambil bahagian.

## Sekolah platform terbaik jayakan kempen ‘Katakan Tidak Kepada Plastik Sekali Guna’

**GEORGE TOWN** – Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar Phee Boon Poh menyatakan bahawa Kerajaan Negeri berhasrat melaksanakan kempen ‘Katakan Tidak Kepada Plastik Sekali Guna’ secara serius bermula tahun hadapan.

Beliau menjelaskan, platform terbaik dalam usaha menjayakan kempen tersebut adalah melalui pendidikan di sekolah-sekolah.

“Kerajaan Negeri merasakan bahawa sekolah merupakan platform terbaik yang mampu mengubah tabiat utama masyarakat terutamanya dalam menjayakan kempen ini.

“Adalah diharapkan agar kempen ini akan diterima umum dalam melestarikan alam sekitar, dan kami (Kerajaan Negeri) sasarkan pada tahun 2030 tidak ada lagi penggunaan plastik sekali guna.

“Justeru, sebagai langkah awal, Kerajaan Negeri tidak lagi membenarkan plastik sekali guna dalam majlis-majlis kerajaan seperti cawan air mineral, dan kita galakkan semua kaktungan untuk membawa

bekas air sendiri,” ujarnya semasa merasmikan Sesi Dialog ‘Katakan Tidak Kepada Plastik Sekali Guna’ bersama-sama wakil-wakil sekolah di sini 4 April lalu.

Hadir sama, Penolong Setiausaha Kanan (Alam Sekitar dan Pembangunan Wilayah) Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Shahril Zamani Md. Zain; Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP); Pengarah Kesihatan Persekutuan dan Pelesenan, Dr. Judy Shoba serta wakil-wakil dari *Penang Green Council* (PGC).

Tambah Boon Poh, fokus pelaksanaan kempen tersebut pada tahun hadapan adalah dengan menekankan kepada pendidikan dan bukannya tindakan penguatkuasaan.

“Bagi pemilik premis, usaha ini akan digiatkan melalui pendidikan serta garis panduan apabila pihak berkaitan memperbaharui lesen perniagaan dengan pihak Majlis,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu.

**Kutip caj beg plastik, tindakan tegas terhadap premis tidak berdaftar – Exco**

**GEORGE TOWN** – Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh menegaskan bahawa Kerajaan Negeri akan memulakan operasi penguatkuasaan terhadap premis-premis perniagaan yang mengenakan caj sebanyak RM0.20 bagi setiap beg plastik.

Menurutnya, operasi tersebut adalah bertujuan membanteras premis-premis yang menjalankan aktiviti berkenaan tanpa berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Pengalaman saya sendiri, saya minta beg plastik dan dikenakan bayaran tetapi apabila minta surat kuasa, tidak ada.

“Ingin saya ingatkan kepada semua pemilik premis supaya berdaftar dengan pihak PBT pada kadar segera bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan.

“Kita (Kerajaan Negeri) bukan hendak mengemis tetapi terpaksa berbuat demikian kerana cintakan alam ini,” katanya pada sidang media bersempena Majlis Dialog Ke Arah Pulau Pinang Bebas Plastik Sekali Guna dan Pendekatan Tak Nak Penyedut Minuman Plastik di sini 28 Mac lalu.

Pada sesi dialog berkenaan, Boon Poh turut menerusi masyarakat di negeri ini supaya berhenti atau mengurangkan penggunaan plastik sekali guna yang dilihat telah memudaratkan alam sekitar.

“Di peringkat Kerajaan Negeri, saya sudah memaklumkan dalam mesyuarat bahawa tidak boleh ada cawan air mineral sekali guna, botol air (sekali guna) dan penyedut minuman.

“Pihak media mungkin akan buat pemantauan sama seperti ketika pengharaman penggunaan polistirena dilaksanakan dan ini adalah pendirian Kerajaan Negeri.

“Kurangkan penggunaan plastik sekali guna demi anak cucu kita di masa hadapan,” serunya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu.

Hadir sama, Pengurus Besar Penang Green Council (PGC), Josephine Tan.

Seramai 49 wakil pengusaha hotel serta 17 wakil pengusaha pasaraya di bahagian pulau turut hadir pada majlis tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, Boon Poh memaklumkan bahawa sebanyak RM1.2 juta berjaya dikutip sejak April 2018 hingga kini hasil daripada penggunaan kira-kira enam juta plastik bagi kawasan pulau.

“Ini tidak termasuk kedai atau premis yang tidak berdaftar dengan PBT seperti di pasar awam, kedai runcit dan lain-lain.

“Jadi cuba anda bayangkan ke mana semua plastik-plastik itu pergi dan ia mengambil masa yang terlalu lama untuk dilupuskan,” jelasnya.

Difahamkan, setiap kutipan hasil beg plastik di negeri ini akan dipulangkan kepada rakyat di bawah program kebajikan Agenda Ekonomi Saksama (AES).

# Kerajaan Negeri komited realisasi agenda kesaksamaan gender

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**  
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PERAI** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengulangi komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha merealisasikan agenda kesaksamaan gender di negeri ini.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong segala usaha dilaksanakan pasukan pejuang hak-hak wanita di negeri ini untuk memaju serta memperkasakan golongan berkenaan.

“Sebagai Ketua Menteri, saya mahu memberi keyakinan kepada pasukan pejuang wanita di negeri ini bahawa saya sentiasa memberi sokongan kepada usaha-usaha yang boleh memperkasakan wanita di Pulau Pinang.

“Peranan saya adalah untuk memberi sokongan kepada ‘pejuang-pejuang’ ini supaya mereka terus berjuang dan mencapai hasilnya.

“Hal ini kerana, setelah hasil itu dicapai barulah bermaksud Pulau Pinang dan Malaysia telah berjaya memperkasakan



KETUA Menteri bersama-sama Chong Eng, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, ahli jawatankuasa penganjur dan para peserta merakam gambar kenangan pada Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia 2019 di sini baru-baru ini.

golongan wanita di negara ini,” ucapnya pada program Sambutan Hari Wanita Sedunia 2019 anjuran Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani dekat AutoCity di sini pada 31 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Ahli

Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee; ADUN Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng; Pengarah Urusan AutoCity, Gary Teoh serta ramai lagi.

Pelbagai acara menarik turut berlangsung

pada program berkenaan antaranya senaman zumba, larian ria, pameran dan pertunjukan seni mempertahankan diri.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri juga berjaya menujuhan PWDC selepas mengambil alih pentadbiran negeri sejak 2008 yang berperanan menggubal dasar-dasar terbaik untuk memajukan agenda wanita.

“Melalui PWDC, Chong Eng (Exco Pembangunan Wanita) dapat membawa isu-isu serta cadangan dasar wanita ke dalam mesyuarat Kerajaan Negeri untuk disokong sebagai dasar yang perlu dilaksanakan di negeri ini.

“Saya merasa amat gembira kerana di Pulau Pinang, kita ada pejuang-pejuang hal wanita seperti PWDC dalam Kerajaan Negeri,” katanya

Dalam pada itu, Chong Eng turut menyera golongan wanita di negara ini agar berani tampil ke hadapan dan memperkasakan hak masing-masing.

“Golongan wanita harus berani bersuara serta mampu menyatakan hak-hak mereka secara bebas bagi memastikan mereka dilindungi,” ujar beliau.

## Pencapaian wanita dalam pelbagai sektor harus diberi pengiktirafan

**PERMATANG PASIR** – Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berharap agar penganjuran pelbagai acara sempena Hari Wanita pada tahun ini mampu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kebolehan golongan berkenaan.

Katanya, Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius terhadap Kempen Hari

Wanita Sedunia sebagai usaha berterusan dalam mengiktiraf peranan golongan Hawa dalam pelbagai bidang di negara ini.

“Sepanjang tempoh sambutan Hari Wanita Sedunia 2019, bengkel kepimpinan wanita dan usahawan, ceramah oleh wanita daripada pelbagai bidang kerjaya, karnival untuk mengetengahkan bakat serta banyak lagi telah dianjurkan oleh Jawatankuasa

Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK).

“Hal ini kerana pencapaian serta sumbangan wanita dalam semua sektor sama ada awam maupun swasta, termasuk kumpulan suri rumah juga harus diberikan pengiktirafan.

“Oleh itu, saya amat berterima kasih kepada pihak-pihak yang bukan sahaja sokongan dan tenaga, malah kemudahan dalam menjayakan program-program dilaksanakan,” katanya pada Majlis Penyampaian Sijil Peserta Program Eko-Kraf, dekat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampangan di sini 30 Mac lalu.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Rosnani Mahmood; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng serta komuniti setempat.

Selain penyampaian sijil kepada para peserta, program yang bermula seawal jam 8 pagi itu turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti senaman zumba, *Purple Car Boot Sale*, *The Purple Challenge*, peraduan mewarna, demonstrasi membuat bakul kertas dan plastik, tayangan video serta banyak lagi.

Mengulas lanjut, Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang menerangkan bahawa penganjuran program Bengkel Eko-Kraf adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada para peserta menjana sumber pendapatan di samping mengasah bakat kesenian masing-masing.

“Penjualan produk kraftangan menggunakan bahan kitar semula melalui *Car Boot Sale* dapat memberi pendedahan kepada golongan wanita dalam bidang perniagaan selain meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai maksud Hari Wanita Sedunia melalui penganjuran Cabaran Ungu (*The Purple Challenge*).

“Saya percaya, semua aktiviti yang dijalankan ini mampu membuka peluang dan ruang kepada wanita untuk tampil ke depan dengan lebih yakin serta berani menyahut cabaran,” serunya.

**INFOGRAFIK MAMMO PENANG**

1. APA ITU MAMMO PENANG  
Program saringan mammogram percutiu untuk wanita Pulau Pinang yang berumur 35 tahun dan ke atas.

2. BILA BERMULA?  
2019 - 2022

3. SIAPAKAH YANG LAYAK?  
Wanita yang berumur 35 tahun dan ke atas & bermastautin di Pulau Pinang atau seorang pengundi di negeri ini.

4. MENGAPA SAYA PERLUKAN MAMMOGRAM  
Mammogram dapat mengesan kanser payudara pada peringkat awal sebelum simptom & ketumbuhan dapat dirasos pada payudara dan mengurangkan risiko kemoterapi disebabkan kanser payudara.

5. BAGAIMANA SAYA MAHU MENYERTAI PROGRAMINI?  
Daftar di klinik Nur Sejahtera LPPKN

6. JIKA LAYAK?  
Pemohon yang layak akan menjalani pemeriksaan payudara klinikal oleh jururawat. LPPKN tetapkan temuanji dengan pusat mammogram yang berdaftar dengan LPPKN. Antaranya:

- Lam Wah Ee
- Glenagles Medical Centre
- Bagan Specialist Centre
- Pusat Diagnostik Anda

7. PERSEDIAAN SEBELUM MENJALANI MAMMOGRAM  
• Lakukan pemeriksaan seminggu sebelum hadir kerana pada masa itu payudara kurang sensitif.  
• Tidak menggunakan deodoran, bedak, minyak wang, krim, pada bahagian dada & ketiak kerana ia akan menjeposkan keputusan mammogram.  
• Tidak menyusu bayi dan mengandung.  
• Pakai pakaian yang sesuai kerana pakaian atas perlu ditanggalkan semasa pemeriksaan.

8. BAGAIMANA SEKIRANYA KEPUTUSAN MAMMOGRAM SAYA ABNORMAL?  
Anda akan dirujuk kepada hospital atau pusat perubatan untuk penyiasatan lanjut. Keputusan mammogram abnormal tidak semestinya anda mempunyai kanser. Pakar akan melakukan penyiasatan lanjut dan akan memberi nasihat dan rawatan yang bersesuaian.

**MAMMO PENANG**  
MAMMO PENANG  
Saringan Kanser Payudara

**LPPKN** **W** **Pink** **25th Year**



CHONG Eng (tengah) menyampaikan sijil pengiktirafan kepada pihak-pihak berkaitan bersempena Majlis Penyampaian Sijil Peserta Program Eko-Kraf di sini baru-baru ini.

# Kem ‘Nafas Paya Bakau’ buka minda remaja

Oleh : PENANG GREEN COUNCIL (PGC)

**SEBAGAI** salah satu usaha untuk melahirkan pemimpin yang cintai alam sekitar, Penang Green Council (PGC) sekali lagi telah menganjurkan Kem Remaja pada 23-25 Mac 2019 yang lalu. Kira-kira 59 remaja telah memanfaatkan mu-sim cuti persekolahan mereka dengan menyertai Kem Remaja ini.

Program tiga hari dua malam ini telah diadakan di Kompleks Rakan Muda Kemunting, Perak bertemakan “Nafas Paya Bakau”, yang melibatkan remaja yang berusia 15-18 tahun.

Puan Najihah selaku pengarah projek memberitahu bahawa kem ini turut mendapat tajaan dari syarikat pengeluran produk kecantikan semulajadi, Kiehl's. Antara objektif Kem Remaja kali ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai keindahan dan keistimewaan ekosistem hutan paya laut. Kem ini bukan sahaja membentuk sifat tanggungjawab dalam memelihara dan memulihara alam sekitar, ianya turut menggalakkan para pelajar berfikiran kritis dan mempelajari hubungan antara manusia dan alam sekitar.

Batrisyia Umairah yang merupakan salah seorang peserta kem memberitahu bahawa kem ini sangat menarik kerana ianya dapat memberi kesedaran kepada para remaja sepertinya.

“Sebelum ini, saya tidak pernah tahu tentang kepentingan pokok paya laut. Selepas menyertai kem ini, saya dan rakan-rakan lebih mengenali jenis-jenis pokok paya laut di samping memberi kesedaran untuk saya menjaga kebersihan dan keindahan alam sekitar,” ujarnya yang juga merupakan pelajar dari SMK Machang Bubuk.

Seorang lagi peserta kem, Yageshi Naidu dari SMK Convent Bukit Mertajam memberitahu bahawa beliau berasa gembira dapat menghabiskan cuti persekolahan dengan menyertai kem ini kerana dapat menambah ilmu pengetahuan selain berkenalan dengan ramai



PARA peserta dan sukarelawan yang menyertai Kem Remaja Sesi 2019 merakam gambar kenangan.

memupuk dan memberi kesedaran dan pendidikan alam sekitar di Pulau Pinang. PGC telah menganjurkan beberapa siri program jaringan komuniti seperti Kem Hijau, Kem Hijau Cilik, Pendidikan Rumah ke Rumah, Kem Remaja, dan bengkel-bengkel bertemakan unsur alam sekitar sebagai usaha untuk mendekati masyarakat. Bagi mereka yang berminat untuk menjadi pihak pengajar bersama, sila hubungi kami di 04-2503322 / 3321 atau e-mel: [info@pgc.com.my](mailto:info@pgc.com.my).



SEBAHAGIAN aktiviti yang dijalankan membabitkan Modul Khazanah Alam di Taman Tasik Taiping.



PARA peserta mendengar penerangan mengenai benih pokok bakau pada lawatan di Pusat Eko Pelajaran Hutan Paya Laut.

**INSENTIF Cabaran SISA MAKANAN**

**Adakah anda menguruskan sisa makanan anda?**

ya

tidak

**Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung**

**PERMOHONAN INSENTIF**

- Menerima RM 1000 untuk setiap penyertaan
- Terhad kepada 10 pendaftar berkelayakan sahaja

TEMPOH PERMOHONAN:  
1 APRIL - 30 OKTOBER 2018

\*tertakluk kepada terma dan syarat

04 250 3322 016 517 7382 info@pgc.com.my

# ScoPe mampu jadikan Seberang Perai bandar pintar, rendah karbon – YDP

**BARU-BARU** ini, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow merasmikan pembukaan *Smart City of Penang* (ScoPe) di Pusat Kawalan dekat menara Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

ScoPe merupakan integrasi beberapa sistem pintar yang dibangunkan oleh Intel, demi menyelesaikan masalah-masalah malar segar dihadapi penduduk Seberang Perai.

Ikuti wawancara eksklusif wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** bersama-sama Yang di-Pertua (YDP) MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud.

**BM:** Bolehkah Dato' YDP menjelaskan secara ringkas mengenai perancangan MPSP dalam ScoPe yang baru dilancarkan ini?

**YDP:** Dalam Pelan Strategik MPSP (2018 - 2020), MPSP mendapat maklum balas rakyat supaya Seberang Perai menjadi Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar. Oleh itu, kita telah merangka aktiviti supaya pada tahun 2022, MPSP mesti mencapai tahap bandar pintar dan bandar rendah karbon.

Macam-macam kriteria untuk mencapai dua tahap bandar ini, bandar rendah karbon pun ada macam-macam kriteria, begitu juga bandar pintar. Dalam keadaan tiada piawaian kriteria sebegitu di dunia, kita cuba mendapatkan pandangan rakyat.

**BM:** Apa hasil maklum balas rakyat kepada MPSP?

**YDP:** Rakyat kata, sama ada bandar rendah karbon atau bandar pintar, yang paling penting mesti kita (MPSP) selesaikan masalah rakyat semasa dan akan datang. Itu, isu pokok.

Maknanya, sasaran MPSP untuk menjadikan Seberang Perai sebagai bandar pintar dan bandar rendah karbon mesti berpaksikan kepada rakyat ataupun *people centric*.

Bagi bandar rendah karbon, kriteria yang kita gunakan adalah dengan meningkatkan kadar kitar semula menjadi 70 peratus serta mengurangkan penghasilan sampah 50 peratus dan tanam pokok banyak-banyak. Ini, pelan jangka pendek yang kita terus buat sehingga kini.

**BM:** Adakah ScoPe ini juga merupakan sebahagian daripada maklum balas rakyat terhadap MPSP?

**YDP:** *Smart City of Penang* (ScoPe) akan menjadikan bahagian pulau dan Seberang Perai sebagai bandar pintar.

Apabila saya gabungkan arahan pelaksanaan ScoPe dengan kehendak rakyat Seberang Perai, isu teknologi dalam ScoPe ini mesti menyelesaikan isu rakyat di Seberang Perai.

Isu di Seberang Perai, yang pertama kesesakan trafik. Yang kedua, pengurusan sisanya pepejal dan yang ketiga adalah banjir kilat. Yang keempat, isu alam sekitar. Itu empat isu utama.

Dalam ScoPe ini, papan pemuka



SR. Rozali Mohamud (kanan sekali) bersama-sama Ketua Menteri, Jagdeep Singh Deo dan wakil Intel dalam Majlis Pelancaran ScoPe di sini baru-baru ini.

(dashboard) yang disediakan oleh Intel diintegrasikan dengan sistem bandar pintar yang telah sedia ada di Seberang Perai iaitu SPARK atau Sistem Amaran Paras Air Kawalan Banjir.

**BM:** Adakah SPARK ini adalah sistem yang dibangunkan oleh Intel juga, seperti ScoPe?

**YDP:** Kita (MPSP) bina (SPARK) pada tahun 2018, juga sistem pintar, apabila paras air meningkat 50 peratus, maka ia akan menghantar petunjuk kepada pihak yang bertugas, menerusi telefon pintar sahaja.

Ini (SPARK) adalah internet untuk segala-galanya (IoT), dan sistem ini diintegrasikan dengan sistem yang Intel bangunkan, dan semua maklumat yang kita nak ditunjukkan dalam satu papan pemuka sama di pusat kawalan ini. 12 lokasi SPARK ini akan ditunjukkan di papan pemuka ini.

Kebaikannya adalah kalau pihak yang bertugas terlalai amaran daripada SPARK, maklumat sama pada waktu kejadian masih boleh dipantau dari pusat kawalan ini untuk tindakan selanjutnya. Ertinya, sistem penggera ini boleh diakses melalui telefon pintar dan satu lagi dari pusat kawalan ScoPe ini.

Satu lagi sistem adalah sistem pengurusan sisanya. Kita (MPSP) dah ada 176 GPS (sistem penempatan global) telahpun dipasang pada lori sampah kita.

Dengan sistem pengurusan sisanya ini, kita boleh jejak ke mana lori sampah kita; berhenti pada satu-satu pusat pemungutan sampah dalam tempoh berapa lama; juga

boleh dilihat dari pusat kawalan ScoPe ini.

Data daripada kenderaan (lori sampah) tadi, akan kita gunakan untuk membuat kajian supaya tiap-tiap stesen, projek mengangut sampah paling lama selama 15 minit sahaja. Kalau mana-mana stesen pemungutan sampah mengambil masa lebih 15 minit, kita akan buat kajian, kenapa mesti ambil masa lebih 15 minit.

Adakah sampah terlalu banyak? Kalau sampah terlalu banyak, apa puncanya dan sampah itu datang dari mana? Kita akan buat siasatan forensik, sama ada sampah itu dijana oleh penduduk tempatan ataupun logokan dari kilang-kilang terdekat. Dan, daripada sistem pintar ini juga, menyumbang kepada menyelesaikan isu tapak sampah haram.

Sistem pengurusan sisanya yang juga menggunakan IoT ini diintegrasikan dalam ScoPe yang dibangunkan oleh Intel akan lebih meningkatkan lagi sistem kecekapan yang ada.

**BM:** Dato', apa lagi fungsi ScoPe ini?

**YDP:** Seterusnya, isu kesesakan trafik. Antara punca adalah lori-lori besar menggunakan jalan-jalan utama pada waktu puncak. Contohnya, Jalan Chain Ferry, kenderaan besar tidak boleh masuk jalan itu antara jam 6.30 pagi hingga 8.30 pagi dan 5 petang hingga 7 malam. Ada papan tanda mengenai perkara yang telah kita wartakan ini.

Tetapi, pegawai trafik kita ataupun polis memang tidak boleh berkawal di sana selama 24 jam. Lalu, dengan adanya sistem integrasi yang dibangunkan oleh Intel

ini, kita menggunakan kecerdasan buatan (AI). AI yang kita bangunkan (dengan pemasangan CCTV) ini mampu mengecam lori ini, plat pendaftaran dan sebagainya apabila ia banyak membaca data.

Dengan lambakan data ini, akan kita (MPSP) cuba berkongsi maklumat daripada AI dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), untuk mencari lori. Kerana, disebabkan ada pemandu lori yang tidak ikut peraturan, maka, menyumbang kepada kesesakan jalan raya.

Dalam ScoPe ini, apabila menggunakan sistem kamera litar tertutup (CCTV), dari pusat kawalan ini juga boleh dilaksanakan kiraan taburan kenderaan atas jalan raya. Daripada data ini, akan membantu kita menentukan infrastruktur yang perlu kita sediakan di satu-satu tempat.

Dalam ScoPe, turut diintegrasikan adalah sistem kualiti udara. Inipun sistem yang baru untuk mengetahui PM (*particulate matter*) jika melebihi PM2.5 hingga PM10. Kalau lebih PM10, sangat berbahaya untuk penduduk.

Kalau tahap kualiti udara melebihi tahap yang sepatutnya, pusat kawal ini akan memberi isyarat amaran kepada Jabatan Alam Sekitar untuk tindakan selanjutnya. Begitu juga tahap pencemaran udara dan sungai di negeri-negeri tertentu, menerusi sistem ini semua yang terjadi boleh dikesan lebih awal.

Kesimpulannya, ScoPe ini adalah sistem pintar yang mana kita menggunakan teknologi seperti IoT dan AI untuk menyelesaikan masalah rakyat iaitu kesesakan trafik, pengurusan sisanya pepejal, banjir kilat dan kualiti udara.

# Transformasi George Town sebagai kawasan ‘walkable’

Teks & Gambar : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berhasrat mentransformasikan kawasan di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town sebagai lokasi mudah akses oleh pejalan kaki.

Datuk Bandar bagi MBPP, Dato’ Ar. Yew Tung Seang berkata, transformasi tersebut adalah sebahagian daripada Pelan Induk Projek Penarafan Lorong Belakang bagi tempoh lima tahun.

“Dalam tempoh lima tahun ini, MBPP berhasrat untuk menjadikan kawasan di George Town sebagai kawasan yang ‘walkable’ (mudah akses untuk pejalan kaki).

“Antara usaha yang dilaksanakan adalah mengubah atau mentransformasikan sembilan kilometer (km) lorong belakang iaitu bersamaan dengan 10 ekar keluasan kawasan hijau dan istirahat.

“Usaha ini juga sejajar dengan visi Kerajaan Negeri ke arah manjadikan George Town sebagai kawasan rendah karbon dan hijau,” ucapnya pada Program Penglibatan Penduduk bagi Cadangan Menaik Taraf Lorong Belakang di Tapak Warisan Dunia George Town (Lebuh Armenian dan Lebuh Gereja) dekat Pusat Belia Lebuh Acheh di sini 30 Mac lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan

Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng merangkap Setiausaha Politik kepada YAB Ketua Menteri; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali; barisan Ahli Majlis MBPP serta wakil perunding projek, Ar. Loh Mei Ee.

Mengulas lanjut, Tung Seang memberitahu bahawa cadangan menaik taraf lorong belakang dekat Lebuh Armenian dan Lebuh Gereja akan menghakis stigma negatif masyarakat mengenai lorong belakang.

“MBPP mahu menjadikan George Town bukan sahaja tempat untuk didiami, malah juga penuh keseronokan dan menjadi pusat pembelajaran.

“Diharapkan dengan penglibatan penduduk dapat memberi peluang untuk mereka memilih ciri-ciri pengindahan yang diinginkan.

“(Dan) pihak MBPP bersama-sama perunding projek akan duduk dan merangka pelan terperinci untuk dilaksanakan dalam waktu terdekat ini,” ujarnya yang turut menyampaikan penghargaan kepada penduduk terlibat.

Dalam pada itu, beliau turut mengalukan mana-mana pihak yang ingin bekerjasama dengan MBPP bagi menjayakan transformasi lorong belakang di kawasan George Town.

“Buat masa ini, pihak MBPP tidak menerima apa-apa tawaran untuk bekerjasama, namun tetap berharap menjalankan perkongsian



TEH Lai Heng (kanan sekali), Ar. Yew Tung Seang (dua dari kanan) serta barisan tetamu kehormat tidak ketinggalan membuat bincangan pada Program Penglibatan Penduduk bagi Cadangan Menaik Taraf Lorong Belakang di Tapak Warisan Dunia George Town di sini baru-baru ini.

secara PPP (Perkongsian Awam Swasta) pada masa hadapan.

“Jadi mana-mana pihak berminat boleh terus menghubungi pihak MBPP untuk menyatakan hasrat,” seru Tung Seang.

Difahamkan, terdapat tujuh ciri-ciri pengindahan yang diketengahkan untuk

pilihan penduduk secara holistik iaitu kemudahan peralatan sukan, tumbuh-tumbuhan, permainan tradisional, taman permainan kanak-kanak, ‘graffiti murals’, teduhan dan aspek keselamatan seperti pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dan lampu jalan.

## Transformasi lorong belakang mampu tingkat keselamatan, tarik kehadiran pelancong

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini mengumumkan hasrat untuk mentransformasikan lorong belakang sepanjang sembilan kilometer (km) atau bersamaan 10 ekar keluasan kawasan lapang di sekitar bandar raya George Town.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, usaha tersebut adalah sebahagian daripada Pelan Induk Projek Penarafan Lorong Belakang ke arah menghakis stigma negatif masyarakat mengenai kawasan terbabit.

Difahamkan, kerja-kerja penarafan lorong belakang pada tahun ini adalah melibatkan 100 meter (m) di Lebuh Armenian, Lebuh Gereja (100m), Lebuh Acheh (100m), Lebuh Kimberley (50m), Jalan Cheong Fatt Tze (150m) dan Lebuh Chulia/Jalan Penang (500m).

Manakala bagi tahun 2020 pula, melibatkan laluan sepanjang 200m Lorong Lumut, People’s Court, Lebuh Cintra (600m), Lebuh King (200m), Lorong Song Hong (150m), Jalan Kampung Malabar (300m), Jalan Pintal Tali (250m) dan Jalan Sri Bahari (200m).

Buletin Mutiara berkesempatan menemu bual beberapa penduduk di sekitar George Town untuk mendapatkan pandangan mereka berkaitan cadangan tersebut yang dilihat bakal memberi impak dalam

aspek keselamatan, ekonomi serta sektor pelancongan negeri ini.



**ROSHIDI Abdul Rahman.**

Bagi **ROSHIDI ABDUL RAHMAN**, 53, seorang pengayuh beca berpendapat bahawa kerja-kerja menaik taraf lorong belakang dijangka turut memberi manfaat kepada pengayuh beca seperti beliau di negeri ini.

“Selain aspek keselamatan, dinding-dinding bangunan di sepanjang lorong terlibat yang usang perlu dicantikkan dengan lukisan-lukisan unik bagi menarik kehadiran lebih ramai pelancong.

“Tetapi saya lebih gembira sekiranya penarafan lorong-lorong belakang ini dilakukan dengan mewujudkan laluan khas untuk basikal atau beca melalui kawasan-kawasan ini.

“Dengan cara itu, pasti akan

dapat membantu meningkatkan pendapatan pengayuh beca yang kini semakin merosot,” katanya ketika ditemui.



**HENG Tin Chin.**

Sementara itu, **HENG TIN CHIN**, 70, seorang pesara turut bersetuju dengan pelaksanaan projek tersebut namun mempunyai pendapat yang agak berbeza mengenai manfaatnya kepada penduduk.

“Baguslah kalau Kerajaan Negeri mahu menaik taraf lorong-lorong belakang kerana kawasan ini sangat usang dan agak kurang selamat terutamanya bagi pelajar kaki.

“Namun, kalau nak harapkan pelancong datang semata-mata mahu melihat lorong-lorong ini saya rasa itu tidak banyak membantu,” ulasnya.



**FATIMAH Salwa Jaafar.**

Manakala **FATIMAH SALWA JAAFAR**, 41, suri rumah pula meluahkan rasa teruja apabila dimaklumkan mengenai hasrat Kerajaan Negeri untuk menaik taraf dan mengindahkan lorong-lorong belakang di sekitar bandar raya George Town.

“Pulau Pinang memang sudah terkenal dengan negeri pelancongan dan sekiranya lorong-lorong ini dicantikkan, maka akan lebih ramai pelancong sama ada dari dalam dan luar negeri datang ke sini.

“Lagipun sekarang sudah menjadi trend orang pergi melancong untuk berswafoto di tempat-tempat menarik dan popular.

“Malah, saya sendiri selalu membawa keluarga ke sini (Tapak

Warisan Dunia George Town) untuk meluangkan masa bersama-sama pada setiap hujung minggu, dan saya begitu gembira kerana pada masa akan datang terdapat satu lagi tempat menarik untuk kami kunjungi sekiranya projek ini benar-benar dilaksanakan,” responsnya mesra.

Bagi pekerja sambilan di Hotel Haus, **S. BHARATHI**, 22, berpendapat bahawa projek penarafan lorong belakang akan lebih menjamin keselamatan orang awam terutama pejalan kaki.

“Saya harap MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) boleh mengindahkan lorong belakang dengan menanam lebih banyak tumbuh-tumbuhan sebagai teduhan untuk laluan pejalan kaki,” jelasnya.



**S. Bharathi.**

# MBPP laksana kadar baharu sewa petak khas

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

**GEORGE TOWN** – Kadar sewa petak khas parkir Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dinaikkan kepada RM250 berkuat kuasa 1 April 2019.

Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, kenaikan tersebut bakal melibatkan 70 petak parkir di seluruh kawasan pulau.

“Kenaikan kadar sewa petak khas baharu ini adalah berpatutan yang mana dahulunya, MBPP mengenakan RM200 bagi setiap petak khas yang disewa,” ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) di sini 29 Mac lalu.

Petak khas tersebut merujuk kepada lot parkir disewa oleh perniagaan yang menjalankan perkhidmatan seperti bank, klinik, kedai servis kereta dan sebagainya melalui MBPP.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ir Addnan Mohd. Razali dan Ahli-ahli Majlis MBPP.

Dalam perkembangan lain, Tung Seang pada sidang media sama turut mengumumkan dua pengiktirafan Asean Public Toilet Standard yang dianugerahkan oleh Asean Tourism Standard baru-baru ini.

Menurut beliau, kedua-dua anugerah tersebut diperoleh bagi dua tandas awam di Batu Ferringhi iaitu masing-masingnya Tandas Awam Pantai Miami dan Tandas Awam Pantai Mas.

“Antara aspek dan kriteria yang dinilai ialah persekitaran, struktur penyelenggaraan kebersihan, kemudahan sanitari yang digunakan, papan tanda jelas, aktiviti pembersihan tandas dan keperluan tambahan.

“Tahniah dan syabas seluruh warga MBPP!,” ucap Tung Seang.



AR. Yew Tung Seang (tengah) dan barisan kepimpinan MBPP menunjukkan sijil-sijil pengiktirafan Asean Public Toilet Standard yang diperoleh pada sidang media di sini baru-baru ini.

## Longkang dan parit bermasalah, MBPP mulakan pembaikan berjadual

**GEORGE TOWN** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) terus komited dalam memastikan kebersihan persekitaran berada pada tahap memuaskan termasuk parit dan longkang.

Ahli Majlis MBPP, Wong Yuee Heng berkata, menerusi usaha tersebut, MBPP melalui Jabatan Kejuruteraan kini dalam usaha melaksanakan kerja-kerja pembaikan secara berjadual

terhadap semua parit serta longkang bermasalah yang telah dikenal pasti di kawasan Tanjong.

Menurutnya, antara masalah-masalah yang dilaporkan termasuk penutup longkang pecah, parit runtuhan, lauan kecil hingga menghalang aliran air serta longkang atau parit yang tidak sama paras.

“Punca-punca masalah dari segi struktur parit ini sering menyebabkan umum salah faham dan beranggapan bahawa parit tersumbat ekoran tidak diselenggara oleh MBPP.

“Tetapi, sebenarnya MBPP melalui Jabatan Perkhidmatan Perbandaran sememangnya memberikan tumpuan kepada tempat-tempat yang dikenal pasti tersebut, dan memastikan kerja-kerja pembersihan dilaksanakan dengan baik,” ujarnya ketika ucapan penangguhan pada Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) di sini baru-baru ini.

Difahamkan, kerja-kerja pembaikan di tapak membabitkan longkang dan parit dekat Jalan Hutton berhadapan Sekolah Kebangsaan Sri Tanjong telah dilakukan baru-baru ini.

Yuee Heng dalam pada itu turut mengalukan pendapat daripada Jabatan Kejuruteraan sekiranya terdapat keperluan untuk naik taraf sistem parit yang telah usang terutamanya dalam kawasan Tanjong yang dianggap sebagai ‘zon berusia’.

“Saya mengalukan kajian dan rancangan untuk naik taraf sistem parit supaya dapat memenuhi keperluan terkini, terutamanya ketika musim hujan yang menerima jumlah aliran air cukup tinggi,” maklum beliau.

Serentak itu, Yuee Heng menyatakan bahawa rakyat serta pengusaha tapak minuman dan makanan turut digesa untuk mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

“Rakyat terutamanya pengusaha gerai minuman serta makanan haruslah mengikut undang-undang ditetapkan bagi mengendalikan sisa makanan, sisa minyak dapur dan sampah secara betul tanpa membiarkan bahan-bahan ini masuk ke dalam longkang serta parit,” serunya.

Jualan Buku Besar-Besaran  
Diskaun 30% 50% 70%

PESTA BUKU PULAU PINANG 2019

PAMERAN DUNIA MEDIA KINI KEMBALI

Bertempat di MYDIN

Jalan Baru, Bukit Mertajam

23 - 28 April 2019

10.00 Pagi - 10.00 Malam

Anjuran

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG

Budaya Menyatakan Kita

#JomBacaPulauPinang #PDM2019

KARTUNIS UJANG "IBRAHIM ANON"  
USTAZ NEEZAM AL-BANJARI  
USTAZAH FATIMAH SYARHA "Personaliti TV9"  
MAZNAH IBRAHIM  
UKAYS

CABUTAN BERTUAH

Dengan setiap pembelian di booth jualan buku, anda layak menyertai cabutan bertuaht

# Lawatan khas dalami dunia sains

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **ADLEENA RAHAYU**

**AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN** — Perasaan teruja pertama kali menjelak kaki ke pusat sains, *Tech Dome Penang* jelas terpancar di wajah 46 anak-anak yatim dari Wisma Yatim Lelaki Islam dan Wisma Yatim Perempuan Islam Pulau Pinang.

Malah, ada yang terpegun dengan kecanggihan teknologi yang dipamerkan di

pusat sains itu.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Ong Khan Lee, program lawatan itu bertujuan memperkenalkan dunia sains kepada mereka sekaligus dapat mendalami bidang berkaitan menerusi pelbagai kaedah tersedia.

"Program lawatan ini bukan sahaja mampu mengisi masa cuti sekolah yang terluang dengan aktiviti bermanfaat, malah juga menambah pengetahuan mereka mengenai dunia sains.

"Saya percaya pengalaman di *Tech Dome Penang* ini merupakan pengalaman manis sekaligus dapat mencetus minat mereka terhadap STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik).

"Mungkin pada masa hadapan, peluang mereka pula untuk membawa generasi seterusnya mempelajari



**GAMBAR** kenangan yang dirakam pada lawatan khas ke *Tech Dome Penang* anjuran Pusat Khidmat Kebun Bunga di sini baru-baru ini.

dan mendekati STEM, memandangkan ia merupakan salah satu subjek yang penting untuk pembangunan negara pada masa hadapan," ujarnya yang turut meluangkan masa berinteraksi bersama-sama mereka pada penganjuran khas berkaitan di sini 25 Mac lalu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Khidmat Kemasyarakatan bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Rashidah Jalaludin; Ketua Pegawai Eksekutif TDP, Dr. Khong Yoon Loong; Naib Yang di-Pertua Wisma Yatim

Islam Pulau Pinang, Datuk Rashid Ismail.

Penganjuran lawatan anjuran Pusat Khidmat Kebun Bunga itu merupakan program tanggungjawab sosial dalam membantu golongan kurang bernasib baik mendekati pendidikan yang menjadi teras terhadap perubahan nasib individu.

Bersempena program lawatan itu juga, mereka turut berpeluang mengikuti kelas penghasilan sabun di samping mencuba pelbagai pameran interaktif yang terdapat di *Tech Dome Penang*.



ONG Khan Lee (berkemeja putih) membantu sekumpulan kanak-kanak melakukan tutorial membuat sabun.

## BELMONT SQUARE & BELMONT RESIDENCES



### RUMAH TERES 3 TINGKAT

Keluasan Rumah: Min 2515 kps - Mak 2644 kps  
Keluasan Tanah: Min 1260 kps - Mak 1323 kps

### RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT

Keluasan Rumah: Min 3684 kps - Mak 3734 kps  
Keluasan Tanah: Min 2798 kps - Mak 4004 kps

### RUMAH KEDAI 3 TINGKAT

Keluasan Tanah: 1205 kps  
Keluasan Binaan: 2945 kps

Hakmilik Kekal  
5% Diskaun untuk Bumiputera

Pemaju:

**GTM LAND & PROPERTY SDN BHD** (890111-A)

No. 3406, Level 5, Jalan Machang Bubok 2, Kelab Rekreasi Tropika (Vangohh Eminent),  
14020 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Tel: 017 430 0366 / 017 430 0399 Email: sales@gtmgroup.com.my

- No. Lesen Pemaju: 11621-5/04-2020/0353 (L) • Tempoh Sah: 10/04/2018 hingga 09/04/2020
- No. Permit Iklan & Jualan: 11621-5/04-2020/0353 (P) • Tempoh Sah: 10/04/2018 hingga 09/04/2020
- Pihak Berkusa yang meluluskan: Majlis Perbandaran Seberang Perai • No. Pelan Bangunan: MPSP/40/20-57/3
- Pegangan Tanah: Hakmilik kekal • Bebanan Tanah: Malayan Banking Berhad • Tarikh Dijangka Siap: 31 Disember 2019
- Jumlah Unit: Rumah Kedai 3 Tingkat - 28 unit; Rumah Teres 3 Tingkat - 20 unit; Rumah Berkembar 3 Tingkat - 8 unit
- Harga Jualan: Rumah Kedai 3 Tingkat - Min: RM 2,000,000.00 - Mak: RM 4,300,000.00,  
Rumah Teres 3 Tingkat - Min: RM 827,400.00 - Mak: RM 1,023,582.00,  
Rumah Berkembar 3 Tingkat - Min: RM 1,378,020.00 - Mak: RM 1,683,192.00

(Sambungan dari muka 1).

# JPWK latih wanita tempatan jadi pemimpin masyarakat

Bercakap kepada pemberita, Kon Yeow berharap JPWK akan menyumbang kepada kejayaan visi Penang2030, antara lain memberi fokus kepada aspek pembangunan kekeluargaan di negeri ini.



**MUHD. Abrar Sadiq.**

Mengulas lanjut, **MUNA LIZA JAAFFAR**, 44, usahawan, memberitahu bahawa penubuhan JPWK mencerminkan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang bijak dalam menguruskan sumber tenaga di peringkat akar umbi, demi memartabatkan lagi gender wanita.

"Bagus, kerana memberi peluang kepada wanita untuk lebih berperanan dalam mendekati masyarakat sekaligus membuktikan bahawa wanita boleh memimpin.

"Di samping itu, pelbagai aktiviti boleh dilakukan untuk menarik lebih ramai wanita bergiat aktif dalam masyarakat," jelasnya yang juga anak jati Kepala Batas.



**MUNA Liza Jaaffar.**

Nada sama turut dikongsi oleh seorang lagi responden, **SITI NORSAADAH ZULKIFLI**, 31, Perunding Pemasaran Kanan.

"Program (JPWK) ini bagus jika dilaksanakan, kerana ia meningkatkan kewibawaan



**SITI Norsaadah Zulkifli.**

wanita dalam menguruskan hal-hal berkaitan golongan berkaitan dan kekeluargaan.

"Pada pendapat saya, wanita lebih memahami apa keperluan wanita setempat dan mampu menyelami masalah serta membangunkan golongan wanita itu sendiri, serta keselesaan dalam menyuarakan masalah serta pendapat - 'Dari wanita untuk Wanita'," ujarnya sambil memuji komitmen pentadbiran Kon Yeow dalam memartabatkan gender wanita.

Pun begitu, bagi **AMAL HUSNA ABD. SAMAD**, awal 30-an, pekerja industri, berharap Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan kepada isu gangguan seks di tempat kerja, selain penubuhan JPWK.



**AMAL Husna Abd. Samad.**

Paling penting, ulas beliau, bukan struktur organisasi khusus untuk wanita, tetapi bentuk program yang ingin dilaksanakan khusus untuk gender wanita serta keluarga.

"JPWK ini baru, masih tidak nampak jelas lagi apakah urusan utama jawatankuasa itu, walaupun fungsinya dikatakan adalah hampir sama dengan JKPK (kini dikenali sebagai MPKK).

"Tapi, kalau betul nak

memartabatkan wanita, sepatutnya Kerajaan Negeri menyediakan lebih banyak 'sistem sokongan' kepada wanita, seperti pusat asuhan kanak-kanak dengan kos upah yang lebih berpatutan.

"Kerana, ramai wanita berbakat akhirnya berundur diri daripada dunia kerjaya apabila anak ramai, memandangkan kos upah pusat asuhan kanak-kanak bertambah serta dilihat tak berbaloi dengan gaji bulanan yang mereka dapat.

"Pusat asuhan kanak-kanak patut sudah jadi keperluan, disediakan seperti tandas untuk gender lelaki dan wanita di tempat kerja.

"Kalau boleh, satu lagi, jawatankuasa (JPWK) ini ataupun agensi Kerajaan Negeri berwajib berkaitan gender wanita perlu juga ada program kesedaran di tempat kerja.

"Kerana, begitu banyak keskes pencabulan atau 'raba' membabitkan wanita di tempat kerja, namun, akhirnya mangsa menarik semula laporan (gangguan seksual), pemangsa hanya diminta untuk minta maaf atas dalih majikan nak jaga nama baik organisasi korporat mereka.

"Mungkin, JPWK ini boleh mengadakan program kesedaran seumpama ini kepada wanita bekerjaya di tempat kerja, walaupun jawatankuasa ini lebih bersifat komuniti setempat," jelasnya.

Doktor Pakar Kanak-Kanak, **DR. ZAIDI ZAKARIA** pula berpendapat bahawa paling penting Kerajaan Negeri mencadangkan bentuk program fiskal demi memartabatkan gender wanita, bukan hanya struktur keorganisasian seperti JPWK semata-mata.

"Kalau sekadar 'meramaikan' penyertaan wanita dalam jawatankuasa (JPWK) ini, cabarannya adalah tidak ramai pun wanita yang terlibat.

"Isu pertindihan keanggotaan wanita dalam JPWK dan MPKK sepatutnya tidak berlaku, kerana telah ada Exco khusus mengenai portfolio Keterangkuman Gender dan PWDC sendiri.



**DR. Zaidi Zakaria.**

"Dalam MPKK pun memang telah ada unit khusus untuk gender wanita dan program kewanitaan serta keluarga juga, justeru bagi saya tidak perlu JPWK tapi khusus memperkuasa MPKK sedia ada.

"Setakat pengetahuan saya, tidak nampak program apa khusus untuk wanita dan keluarga yang

menyerlah untuk dikenangkan, jadi saya tak nampak lagi.

"Kalau nak tonjol wanita dalam komuniti, daripada segi apa, mungkin kena ada program keusahawanan, program ekonomi khusus ibu tunggal dan sebagainya, yang mana semua ini sebenarnya memadai dengan ada agensi seperti PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) membawa program-program pinjaman mikro kredit kepada golongan sasar.

"Aspek kepemimpinan wanita, kalau nak ditonjolkan melalui JPWK ataupun MPKK sendiri, Kerajaan Negeri mesti ada suatu program atau polisi ekonomi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah babit gender berkenaan, barulah dengan sendirinya kepemimpinan wanita itu dapat menggerakkan komuniti serta tonjol dalam komuniti," ujarnya sambil memuji inisiatif Kerajaan Negeri dalam berusaha memartabatkan gender wanita dan keluarga.

الكلية الإسلامية التكنولوجية العالمية بينانج  
**KOLEJ ISLAM TEKNOLOGI ANTARABANGSA (KITAB)**  
PULAU PINANG


**AMBILAN JANUARI, MEI & SEPTEMBER**

REBAT ISTIMEWA UNTUK PENDAFTARAN AWAL


- **SIJIL/INTENSIF**
- **DIPLOMA 3 KREDIT SPM**
- **IJAZAH SARJANA MUDA (MQA : FA 1502)**

**DISKAUN**  
RM500 UNTUK DIPLOMA  
RM300 UNTUK INTENSIF

+60 4 835 1688  
kolej islam teknologi antarabangsa pulau pinang-rasmi  
www.kitab.edu.my  
kitabpulaupinang



Bakat Si Cilik - Mewarna 1/2019



Chlorophyll

Nāma : -

No. My Kid/ Kad Pengenalan:

Alamat:

卷之三

Nama Ibu/Bunda/Penjaga:

Na Tafsan: Bimonthly

**Termas & Syarat Peraduan:**

1. Newarna :Peraduan dibuka dari **1 Februari 2019** hingga **31 Mei 2019**.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak pengajar.
6. Keputusan pengadil adalah mutlak.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan pengajar adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:  
Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,  
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

Sila isi butiran berikut:	   
Nama :	.....
No. My Kid/Kad Pengenalan:	.....
Alamat:	.....
   	.....
Nama Ibu/Bapa/Penjaga:	.....
No. Telefon : (Rumah)	.....
(Bimbit) :	.....
   	.....
Emel:	.....